

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa merangkumi empat kemahiran utama, iaitu mendengar, menutur, membaca dan menulis. Antara keempat-empat kemahiran ini menulis merupakan kemahiran yang amat penting. Baik murid-murid sekolah rendah mahupun pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) harus menguasai kemahiran ini. Ini kerana kemahiran menulis membantu eksekutif berkomunikasi dengan penuh yakin (Goh & Wan Mohd Nazif, 2006). Menurut Goh dan Wan Mohd Nazif (2006) lagi, tujuan penulisan adalah menyampaikan mesej supaya pembaca dapat memahaminya dengan jelas dan terang.

Pendidikan rasmi pula memerlukan aktiviti menulis untuk menyampaikan idea, maklumat serta perasaan. Justeru itu, kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang wajib dikuasai oleh semua lapisan pelajar. Withrow (1987), dipetik daripada Abdul Jalil Othman (1998), menyatakan bahawa setiap pelajar wajib disedarkan bahawa kemahiran menulis adalah kemahiran tertinggi yang perlu dicapai dalam pembelajaran bahasa. Sehubungan itu, kemahiran menulis diberi penekanan dalam Sukatan Pelajaran BT di Institusi Pendidikan Guru (IPG).

Penulisan karangan bukanlah perkara yang baru bagi Guru Pelatih (GP) malah pendedahan terhadapnya bermula sejak sekolah rendah lagi. Dalam kurikulum Pengajian Tamil (PT) IPG terdapat bahagian Kemahiran Bahasa. Kemahiran bahasa ini merangkumi kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran mendengar dan bertutur. Hasil pembelajaran sukatan pelajaran BT PPISMP ini memberi keutamaan

kepada hasil penulisan yang berkualiti (Lampiran A). Misalnya dalam kertas 1 objektif kemahiran menulis adalah seperti berikut:

- i. Menghasilkan penulisan yang mematuhi peraturan-peraturan tatabahasa yang tepat.
- ii. Meningkatkan keupayaan dalam penghasilan pelbagai karangan Bahasa Tamil.

Manakala objektif kemahiran menulis dalam kertas 2 adalah seperti berikut:

- i. Bertutur dan menulis Bahasa Tamil dengan berpandukan kepada tatabahasa Tamil yang mantap.
- ii. Menghasilkan penulisan yang bertaraf tinggi dengan mematuhi peraturan-peraturan tatabahasa yang tepat.
- iii. Meningkatkan keupayaan dalam penghasilan pelbagai karangan Bahasa Tamil.

Dengan ini jelaslah bahawa sukatan pelajaran BT PPISMP IPG memberi keutamaan kepada kemahiran menulis. Justeru itu, para GP harus menguasai kemahiran ini dengan baik.

Selain daripada itu sukatan pelajaran IPG juga memberi keutamaan kepada pelbagai jenis kemahiran menulis. Antaranya adalah membina ayat, menulis karangan, menulis cerpen, menulis puisi ataupun sajak serta mengalih bahasa dalam masa tiga semester. (Lampiran B). Di samping itu penyampaian isi juga harus diberi perhatian yang serius. Justeru itu GP perlu menggunakan segala kemahiran bahasa dengan cekap. Misalnya, menggunakan tatabahasa yang betul, menggunakan pelbagai jenis ayat serta struktur ayat yang bervariasi. Ini kerana penggunaan pelbagai jenis ayat membantu menghasilkan penulisan yang gramatis (Michelson, 2000).

Dalam Bahasa Tamil (BT) terdapat pelbagai jenis ayat. Lebih kurang 17 jenis ayat biasa digunakan dalam penulisan. Walau bagaimanapun, kesemua jenis ayat ini tidak dapat digunakan dalam sesebuah karangan pada masa yang sama. Oleh yang demikian, satu kajian yang terperinci perlu dibuat untuk mengenal pasti penggunaan ayat dalam karangan GP yang bakal menjadi pendidik.

1.2. Latar Belakang Kajian

1.2.1. Perkembangan Pendidikan Tamil Di Malaysia

Pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu sekolah-sekolah Vernakular Tamil tertumpu di ladang getah, kelapa sawit, kopi dan gula. Kebanyakan sekolah ini menggunakan BT sebagai bahasa pengantar. Sekolah pertama yang memberi pendidikan dalam BT adalah '*Penang Free School*' yang ditubuhkan pada 1816. Walau bagaimanapun ia telah ditutup atas beberapa sebab tertentu (Rajendran, 2008). Setelah itu, pada tahun 1834 Cawangan '*Singapore Free School*' memberi pendidikan dalam BT. Akan tetapi, ia juga diberhentikan atas beberapa sebab tertentu (Abu Zahri Abu Bakar, 1980).

Beberapa tahun kemudian, pendidikan dalam BT bermula di sekolah-sekolah Vernakular Tamil. Sekolah-sekolah ini didirikan oleh orang perseorangan, pihak majikan dan mubaligh Kristian. Pada peringkat awal kerajaan British tidak memberi sebarang bantuan untuk mengendalikan sekolah Tamil (Abu Zahri Abu Bakar, 1980). Walau bagaimanapun, setelah Enakmen Buruh diluluskan pada tahun 1912, maka penubuhan sekolah di estet-estet telah diwajibkan sekiranya terdapat lebih sepuluh

anak pekerja yang layak bersekolah (Choong, 2008). Menjelang tahun 1930 terdapat empat jenis sekolah Vernakular Tamil, iaitu:

- a. Sekolah Kerajaan Tamil
- b. Sekolah Estet Tamil
- c. Sekolah Persendirian Tamil
- d. Sekolah Persendirian Tamil Pendakwah Kristian

Sekolah-sekolah Vernakular Tamil ini terhad pada peringkat rendah sahaja. Kurikulumnya berorientasikan negara India. Buku-buku dan guru-guru dibawa dari Sri Lanka dan India (Abu Zahari Abu Bakar, 1980).

Pada zaman pemerintahan Jepun Pendidikan Melayu dan Pendidikan Tamil diteruskan di Tanah Melayu. Bahasa Jepun diajar sebagai subjek tambahan. Setelah Perang Dunia Kedua British mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu. Pada ketika itu, pendidikan dalam BT diteruskan (Abu Zahari Abu Bakar, 1980). Dengan ini, jelaslah bahawa pendidikan Tamil tidak tergendala di Tanah Melayu sejak ia bermula sampai kini.

Apabila Penyata Barnes disarankan pada tahun 1950 ia tidak mengutamakan pendidikan Cina dan Tamil. Kandungannya adalah seperti berikut:

“.... Chinese and Indians are being asked to gradually give up their own vernacular school, and to send their children to schools where the Malay language is the only oriental language taught...” (m.s. 5)

(Barnes Report, 1951)

-Dipetik dari Dasar Pendidikan Negara
Sebelum Merdeka, 1998

Maka, kedua-dua kaum ini menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap penyata Barnes. Akibatnya terhasil Laporan Fenn-Wu pada tahun 1951. Laporan Fenn-Wu

menyatakan Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI) dan Bahasa Mandarin patut menjadi bahasa pengantar di semua sekolah vernakular. (Choong, 2008).

Pertembungan dua laporan ini menyebabkan terbentuk Ordinan Pelajaran 1952. Ordinan ini mengkaji semula dua laporan tadi dan membuat beberapa perubahan. Antara perubahannya adalah Bahasa Cina (BC) dan BT diajar sebagai bahasa ketiga tetapi kedua-dua aliran sekolah ini tidak diterima sebahagian daripada sistem persekolahan Tanah Melayu. Dengan itu, Ordinan ini ditentang oleh kaum Cina dan India (Choong, 2008). Maka, satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk memperbaiki ordinan ini serta wujudlah Laporan Razak (1956). Laporan Razak menerima pendidikan BC dan BT dalam sistem pendidikan negara. Kandungannya adalah seperti berikut:

..... Membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang boleh menyatupadukan kanak-kanak berbilang kaum di seluruh negara. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Memastikan sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil tetap wujud dan bahasa mereka diajar sebagai satu mata pelajaran. (m.s. 9)

(Laporan Razak, 1956)

Dipetik dari Dasar Pendidikan Negara
Sebelum Merdeka, 1998)

Lantaran daripada itu, BT turut mendapat tempat dalam sistem pendidikan Malaysia. Justeru itu negara memerlukan pendidik untuk sekolah-sekolah Tamil. Akibatnya, kerajaan menyediakan kursus Pengajian Tamil (PT) untuk mendidik bakal guru Tamil.

1.2.2. P&P Tamil dan Pendidikan Guru Tamil di Peringkat Awal

Pendidikan Tamil di Tanah Melayu bermula semasa zaman penjajahan British. Ia berbentuk tidak formal dan seakan-akan pendidikan pondok pelajar Melayu (Rajendran, 2008). Pendidikan Tamil ini dikenali sebagai '*tiNNai paLLi*'. Kelas '*tiNNai paLLi*' ini dijalankan di veranda rumah. Biasanya kelas dijalankan di hadapan rumah pelajar ataupun rumah guru (Vasanth, 2005). P&P dijalankan oleh sami kuil atau sesiapa yang boleh membaca dan menulis. Murid-murid yang belajar di '*tiNNai paLLi*' tidak begitu ramai. Mereka yang menduduki berhampiran kawasan perumahan sahaja menghadiri kelas tersebut. Waktu P&P pula tidak tentu. Ia bergantung pada guru dan pelajar. Kurikulumnya diubah suai mengikut kehendak guru. Guru-guru pula mengajar berdasarkan pengetahuan yang sedia ada (Saraswathi, 2003).

Lama kelamahan sistem '*tiNNai paLLi*' ini berubah kepada sekolah-sekolah Tamil. Sekolah-sekolah ini didirikan oleh orang perseorangan, pihak majikan dan mubaligh Kristian. Keadaan sekolah-sekolah ini serba kekurangan. Tiada sistem pedagogi yang sempurna, tiada tenaga pengajar yang terlatih serta tiada infrastruktur yang baik (Abu Zahri Abu Bakar, 1980). Penubuhan Sekolah Tamil di Tanah Melayu diwajibkan setelah Kanun Buruh diluluskan pada tahun 1912. (Choong, 2008). Walau bagaimanapun, tenaga pengajarnya didatangkan dari Negara India, ataupun mereka yang boleh membaca dan menulis menjalankan P&P di sekolah ini (Rajendran, 2008).

Pendek kata di peringkat awal P&P Tamil di Tanah Melayu tiada sukatan pelajaran tertentu. Guru-guru mengajar berdasarkan pengetahuan sedia ada. Setelah beberapa lama kemudian, tenaga pengajar mula didatangkan dari Negara India dan Sri Lanka. Sukatannya diambil dari Negara India serta P&P berorientasikan Negara India. Walau

bagaimanapun, apabila Laporan Razak dan Penyata Rahman Talib disyorkan maka sistem pendidikan dalam BT telah dikemaskinikan dan guru-guru telah diberi latihan perguruan mengikut kehendak Negara Malaysia (Choong, 2008).

1.2.3. Latihan Perguruan Bagi Sekolah Vernakular Tamil

Pendidikan guru di Malaysia secara formal bermula apabila tertubuhnya dua buah maktab perguruan, iaitu:

- i. *Sultan Idris Training College* di Tanjung Malim pada tahun 1922
- ii. *Women Teachers Training College* di Melaka pada tahun 1935

(Mok & Lee, 1988).

Kedua-dua maktab ini cuma melatih guru-guru sekolah vernakular Melayu sahaja. Manakala, guru-guru sekolah Cina dan Tamil mendapat latihan perguruan melalui kelas normal yang dijalankan pada hujung minggu atau pada cuti penggal (Rajenderan, 2008). Selepas Perang Dunia Kedua, sistem latihan guru ini diteruskan hingga tahun 1951. (Mok & Lee, 1988).

Pada zaman pemerintahan British tiada sebarang program khas untuk melatih guru-guru Tamil. Pada tahun 1936 latihan untuk guru-guru sekolah Tamil secara formal bermula apabila beberapa pusat latihan guru Tamil (*Teachers Training Normal Class*) mula didirikan di bandar-bandar (Rajenderan, 2008). Pusat-pusat ini mengendalikan kursus untuk guru-guru Tamil selama dua tahun. Guru-guru Tamil yang terpilih menghadiri kelas pada setiap Sabtu. Pensyarah-pensyarah pula terdiri daripada guru-guru India dari sekolah Inggeris dan Nazir Sekolah dari Bahagian Tamil di bawah Jabatan Pelajaran. (Mok & Lee, 1988).

Sebelum merdeka mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi tidak berminat menjadi guru sekolah Tamil. Ini adalah disebabkan oleh gaji yang rendah, sukar mengajar kelas-kelas bercantum dan keadaan sekolah Tamil yang sangat buruk. Dengan demikian, mereka yang berkelulusan darjah empat digalakkan menjadi guru. Sehubungan itu, mereka yang berkelulusan Darjah empat dan lima dilantik menjadi guru sekolah Tamil. Setelah beberapa lama kemudian kelulusan darjah enam dan tujuh diperlukan untuk latihan perguruan bagi sekolah Tamil (Rajendran, 2008). Ini telah dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Guru seperti berikut:

Kelayakan asal bagi mengikuti latihan perguruan adalah lulus darjah lima tetapi kemudiannya ditingkatkan pada darjah enam dan tujuh. Mereka perlu mengajar secara sambilan dan menghadiri kursus pada hujung minggu. Bagi yang gagal, mereka akan dikenali sebagai guru tanpa sijil. (m.s. 14)

(Shahril@Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing dan Dr. Saedah Hj. Siraj (1998) dipetik dari Falsafah Pendidikan Guru, 2010).

Oleh kerana itu, beberapa buah kelas darjah tujuh dijalankan dari tahun 1941 hingga 1956. Kelas-kelas ini dikendalikan dengan kerjasama penyelia-penyelia sekolah dan kesatuan-kesatuan guru. Tujuannya adalah untuk menggalakkan penuntut-penuntutnya menjadi guru-guru sekolah Tamil. Pada tahun 1957 hingga 1960 peperiksaan Darjah tujuh ini dijalankan oleh Kementerian Pelajaran dan ia dijadikan sebagai 'peperiksaan penyediaan bagi Guru-Guru Tamil' (Rajendran, 2008).

Pada peringkat awal kursus perguruan memakan masa selama dua tahun. Akan tetapi dari tahun 1950 kursus ini dijalankan selama tiga tahun. Kelulusannya diberi taraf peringkat gred, iaitu Gred 1, Gred 2 dan Gred 3. Gaji guru berbeza mengikut gred yang diperoleh. Selain daripada itu, guru-guru yang berjaya menamatkan latihan ditawarkan dengan sijil dan mereka digelar sebagai 'Guru-guru Bersijil'. Manakala

mereka yang gagal tidak diberi sijil dan digelar sebagai 'Guru-guru Tidak Bersijil'. Selain daripada itu, guru-guru dari negara India juga dikategorikan sebagai 'Guru Bersijil'. Ini kerana kelulusan mereka setaraf dengan pendidikan guru di Tanah Melayu pada ketika itu (Mok & Lee, 1988).

Pada tahun 1963, Kementerian Pelajaran mengadakan satu latihan khas bagi 'Guru-guru Tidak Bersijil' di Taiping dan di Teluk Intan. Tujuannya adalah untuk memberi Sijil Perguruan kepada mereka yang tiada sijil perguruan. Pada tahun 1974, kursus seumpama itu turut dijalankan di Kuala Lumpur untuk guru-guru yang tidak bersijil dari seluruh negara (Mok & Lee, 1988).

Mengikut kajian didapati sehingga tahun 1970 terdapat ramai guru sandaran di sekolah-sekolah Tamil. Demi memberi latihan perguruan untuk mereka, kerajaan telah memperkenalkan latihan perguruan semasa cuti penggal sekolah. Kursus yang ditawarkan ini digelar kursus Sekolah Rendah Tamil (SRT). Terdapat sebanyak sepuluh siri kursus SRT pada ketika itu. Kursus-kursus ini melatih guru-guru aliran Tamil (Rajenderan, 2008).

Laporan Razak yang disyorkan pada tahun 1956 menyatakan bahawa guru-guru sekolah rendah yang akan menjalani latihan perguruan perlu menamatkan 3 tahun pendidikan menengah. Penyata Rahman Talib yang diperkenalkan pada tahun 1961 pula mengetatkan lagi syarat mengikuti latihan perguruan. Pada mulanya ia menyatakan bahawa mereka yang berkelulusan *Lower Certificate of Education* (LCE) berkecukupan mengikuti Latihan Perguruan *Day Training Centre* (DTC). Setelah itu

mereka yang mempunyai kelulusan SPM/MCE dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia diberi keutamaan untuk mengikuti latihan perguruan (Rajendran, 2008).

Kerjaya guru dan latihan perguruan diselaraskan setelah Laporan Razak disyorkan pada tahun 1956. Sehubungan dengan itu, pada bulan Jun, 1960 latihan perguruan sepenuh masa untuk guru-guru Tamil telah ditawarkan di DTC di Kuala Lumpur. Ini merupakan latihan sepenuh masa yang pertama untuk guru-guru Tamil. Pada tahun 1960, pusat ini melatih seramai duapuluh enam (26) orang guru BT. Sukatan pelajaran yang digunakan adalah sama dengan sukatan pelajaran bagi aliran BI dan BM (Rajendran, 2008).

Pada masa itu, Kementerian Pendidikan menutup semua DTC yang terdapat di seluruh negara atas beberapa sebab tertentu. Dengan itu, DTC di Kuala Lumpur yang menawarkan kursus PT turut ditutup pada tahun 1967. Walau bagaimanapun, mulai tahun 1970 guru-guru sandaran di sekolah-sekolah Tamil telah ditawarkan dengan kursus SRT. Sebanyak sepuluh siri kursus SRT ini telah berjaya melatih ramai guru sekolah Tamil (Rajenderan, 2008).

Pada tahun 1976 kursus perguruan PT dimulakan di Maktab Perguruan Seri Kota, Kuala Lumpur. Seramai enampuluh tiga (63) orang telah dipilih untuk mengikuti kursus ini. Mereka merupakan kumpulan pertama yang mendapat latihan PT di Maktab Perguruan. Mulai hari itu, latihan perguruan untuk guru-guru sekolah Tamil telah berkembang dengan pesat. Kementerian pendidikan meningkatkan bilangan GP yang mengikuti kursus PT (Rajenderan, 2008).

Pada mulanya mereka yang menamatkan kursus PT di Maktab Perguruan telah ditawarkan dengan Sijil Perguruan dan kemudian ia dinaik taraf kepada Diploma. Mulai 13 Julai 2005 Jemaah Menteri telah meluluskan IPG supaya menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan kepada mereka yang menamatkan kursus PISMP (Pindaan Akta Pendidikan 1996, 2006). Di samping itu mereka yang mempunyai ijazah pertama dipilih dan diberi latihan perguruan untuk menjadi guru di sekolah Tamil. Dengan itu, kini guru-guru sekolah Tamil merupakan guru-guru kelulusan ijazah Sarjana Muda Perguruan.

Pendek kata, sejarah guru-guru Tamil di Tanah air bermula dengan mereka yang mengajar mengikut pengetahuan sedia ada di '*tiNNai paLLi*'; sampailah kini mereka yang dilatih setaraf dengan ijazah pertama.

1.2.4. Kampus Institusi Pendidikan Guru dan Kandungan Pelajaran Pengajian Tamil

Mulai kurun ke 21 taraf maktab perguruan meningkat. Pada tahun 2006 nama 'Maktab Perguruan' ditukar kepada 'Institut Pendidikan Guru' (IPG). Pada tahun 2010 pentadbiran IPG diasingkan daripada Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan '*IPG Kampus*' diselenggara oleh Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia di Cyberjaya (Pindaan Akta Pendidikan 1996, 2006).

Kini terdapat 28 kampus IPG dan sebuah *English Language Teaching Centre* (Pindaan Akta Pendidikan 1996, 2006). Antara 28 kampus itu 7 buah kampus menawarkan kursus PT. Kampus-kampus tersebut adalah seperti berikut:

- i. Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah.
- ii. Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang.
- iii. Institut Pendidikan Guru Kampus Persekutuan Pulau Pinang, Pulau Pinang.
- iv. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Perak.
- v. Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Negeri Sembilan.
- vi. Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang.
- vii. Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor.

Kursus-kursus PT yang ditawarkan di kampus-kampus ini adalah Persediaan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Kursus Dalam Cuti (KDC), Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK) dan Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR). Kandungan mata pelajaran kursus-kursus ini adalah Kemahiran Bahasa, Tatabahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil Moden.

Kemahiran Bahasa merangkumi kemahiran mendengar, menutur, membaca dan menulis. Kemahiran membina ayat, menulis karangan, menulis cerita dan cerpen, menulis sajak dan puisi dan mengalih bahasa adalah kandungan Kemahiran Bahasa (Sukatan Pelajaran PPISMP). Tujuan penggubalan sukatan pelajaran ini adalah supaya GP mahir menulis dan mempraktikkannya dalam pengajaran mikro. Pengajaran mikro ini akan membantu mereka semasa menjalani tugas sebagai guru di sekolah nanti. Dengan itu, jelaslah bahawa dalam Kemahiran Bahasa kaedah

penulisan adalah satu unsur penting. Jadi, setiap GP yang melalui proses P&P Kemahiran Bahasa wajib menguasai kemahiran menulis dengan baik.

Walau bagaimanapun, masih ramai GP kurang mahir dalam penghasilan artikel akademik dan karangan yang berkualiti terutamanya dalam penggunaan pelbagai jenis ayat. Masalah GP ini akan diterangkan secara terperinci dalam bahagian pernyataan masalah.

1.3 Pernyataan Masalah

Laporan Prestasi Bahasa Tamil Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menunjukkan pelajar Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lemah dalam penguasaan tatabahasa. Penguasaan tatabahasa turut merangkumi penghasilan ayat yang gramatis. Kelemahan pelajar ini menjadi salah satu sebab mereka gagal mendapat markah yang baik dalam penulisan karangan BT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Justeru itu boleh dinyatakan bahawa kelemahan dalam penghasilan ayat yang gramatis menjadi satu faktor yang menyebabkan pelajar kehilangan markah dalam penulisan karangan.

Masalah yang dilaporkan oleh LPM ini bukan sahaja terjadi dalam kalangan pelajar-pelajar PMR dan SPM, malah ia turut wujud dalam kalangan GP Pengajian Tamil. Ini mungkin kerana mereka yang tamat peperiksaan SPM yang memperoleh kepujian dalam BT memasuki IPG sebagai GP PPISMP PT. Mereka masih lagi terbawa-bawa cara penulisan mereka ke IPG. Di IPG pula para pensyarah tidak akan mengajar asas

kemahiran menulis seperti membina ayat, cara membuat kerangka serta penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan.

Kemahiran menulis merupakan satu bahagian dalam Pengayaan Bahasa. GP perlu membuat pelbagai tugas dan aktiviti berdasarkan kemahiran menulis. Justeru itu, mereka harus menguasai kemahiran ini dengan cekap. Ini adalah kerana proses mengarang memerlukan pemikiran yang jelas dan teratur. Demi tujuan ini, segala kemahiran berbahasa yang telah dipelajari haruslah digunakan. Misalnya, tatabahasa yang betul, pelbagai jenis ayat dan struktur ayat yang tepat perlu digunakan.

Lazimnya, GP menguasai kemahiran menulis sejak dari sekolah rendah lagi. Oleh kerana itu, penguasaan kemahiran menulis bukanlah sesuatu yang baru untuk GP. Akan tetapi, penggunaan pelbagai jenis ayat dalam penulisan GP kurang memuaskan. Makin lama makin susut kualiti penulisan mereka.

Satu kajian rintis dijalankan untuk mendapat gambaran yang sebenar berkaitan masalah ini. 15 orang GP PPISMP semester 3 ambilan Julai 2008 dari Kampus Raja Melewar dipilih sebagai sampel. Kajian ini dijalankan pada 5 Oktober 2010. Dalam kajian rintis ini semua sampel diberi sebuah tajuk karangan jenis fakta (Lampiran C). Mereka diminta menulis sebuah karangan sepanjang 250 patah perkataan dan diberi masa selama 45 minit. Data analisis yang diperoleh adalah seperti dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1
Jenis dan Jumlah Ayat yang Digunakan Oleh Sampel

Sampel	Ayat Tunggal	Ayat Kompaun	Ayat Kompleks	Ayat Tanya	Ayat Seruanan	Ayat Cakap Ajuk	Ayat Cakap Pindah	Jumlah
S1	10	04	17	01	04	-	-	36
S2	11	02	09	03	02	02	-	29
S3	08	02	16	-	03	-	-	29
S4	09	-	21	02	-	03	-	35
S5	11	02	16	-	-	-	-	29
S6	08	01	17	-	-	01	-	27
S7	08	01	07	05	-	01	-	22
S8	07	01	20	-	01	03	01	33
S9	07	03	17	-	-	-	01	28
S10	10	04	17	-	-	05	01	37
S11	07	02	15	-	-	03	-	27
S12	06	01	13	-	-	04	-	24
S13	07	04	16	-	-	03	01	31
S14	08	03	15	-	-	02	-	28
S15	06	02	17	-	-	01	-	26
Jumlah	123	32	233	11	10	28	04	441

Jadual 1.1 menunjukkan taburan bilangan ayat yang dihasilkan oleh sampel dan jenis-jenis ayat yang digunakan oleh mereka. 15 orang sampel telah menghasilkan 441 ayat dan menggunakan 7 jenis ayat. Antara ayat-ayat yang dihasilkan oleh mereka adalah ayat tunggal, ayat kompaun, ayat kompleks, ayat tanya, ayat seruanan, ayat cakap ajuk dan ayat cakap pindah. Purata jenis ayat yang digunakan oleh seorang sampel adalah 4 jenis ayat.

Data menunjukkan lebih dari 50% ayat yang dihasilkan oleh sampel adalah ayat kompleks. Ia diikuti dengan ayat tunggal, iaitu sebanyak 123 (25.51%) ayat. Seterusnya ayat kompaun sebanyak 32 (7.3%), ayat cakap ajuk 28 (6.3%), ayat tanya 11 (2.7%), ayat seruanan 10 (2.3%) dan ayat cakap pindah 4 (0.9%). Ini menunjukkan bahawa ayat kompleks dan ayat tunggal adalah ayat-ayat yang paling banyak

digunakan oleh sampel. Dengan ini, bolehlah dinyatakan bahawa kebanyakan pelajar masih lagi lemah menggunakan pelbagai jenis ayat dalam penulisan mereka.

Justeru itu, kelemahan ini haruslah ditangani secara pragmatik supaya meningkatkan mutu karangan GP serta menjayakan matlamat kurikulum BT IPG iaitu untuk melahirkan bakal guru BT yang berketerampilan berbahasa dan berwibawa dalam kerjaya mereka.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti tahap penguasaan kompaun ayat BT dalam kalangan GP PPISMP. Selain daripada itu, objektif utamanya adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti pengetahuan GP PPISMP tentang jenis-jenis ayat yang terdapat dalam BT.
- ii. Mengkaji jenis-jenis ayat yang kerap digunakan oleh GP PPISMP dalam karangan BT.
- iii. Mengkaji korelasi antara penggunaan pelbagai jenis ayat dengan gred karangan GP PPISMP.
- iv. Mengkaji korelasi antara pengetahuan dengan penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan GP PPISMP.

1.5 Persoalan Kajian

Penyelidikan ini akan mencari jawapan bagi soalan-soalan berikut:-

- i. Apakah jenis-jenis ayat BT yang diketahui oleh GP PPISMP?
- ii. Apakah jenis ayat yang kerap digunakan oleh GP PPISMP dalam penulisan karangan?
- iii. Adakah terdapat korelasi antara pengetahuan pelbagai jenis ayat dengan gred karangan GP PPISMP?
- iv. Adakah terdapat korelasi antara pengetahuan dengan penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan GP PPISMP?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini memaparkan kelemahan GP tentang penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan mereka. Ini membolehkan pensyarah IPG mengenal pasti kaedah melatih GP demi meningkatkan kemahiran penggunaan pelbagai jenis ayat BT dalam penulisan mereka. Pelbagai kaedah yang akan digunakan oleh para pensyarah besar kemungkinan merangsang minat GP dalam penulisan karangan yang berkualiti. Di samping itu GP juga akan mempelajari teknik-teknik penulisan karangan yang betul. Penggunaan jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan akan dikuasai oleh mereka. Pengetahuan dalam penulisan karangan ini akan membantu setiap orang GP dalam P&P semasa menjalani tugas sebagai guru di sekolah nanti.

Di samping itu, Unit BT di kampus IPG akan mengadakan aktiviti-aktiviti bahasa yang sewajarnya demi mengatasi masalah penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan GP. Aktiviti-aktiviti sedemikian membawa manfaat kepada para GP sekiranya ia lebih memberi tumpuan kepada hasil penulisan yang berkualiti.

Kajian ini turut memberi panduan kepada Unit BT IPG untuk memantapkan lagi sukatan pelajaran BT IPG. Misalnya mempertingkatkan masa interaksi P&P bagi kemahiran menulis, memantapkan lagi kandungan sukatan pelajaran PT, mempelbagaikan sub topik dan aktiviti-aktiviti kemahiran menulis.

Seorang guru harus menguasai kemahiran menulis dengan baik. Ini kerana selain daripada mengajar, tugas seorang guru merangkumi penulisan laporan aktiviti sekolah, mencatat minit mesyuarat, menulis surat kepada pihak atasan (sekiranya perlu) atau menulis surat untuk memesan buku atau stok untuk sekolah dan sebagainya. Demi memenuhi keperluan (tugasan) ini setiap guru haruslah mahir dalam kemahiran menulis. Justeru itu, kajian ini turut menjadi panduan kepada para guru di sekolah.

Sebagai bakal guru, guru-guru pelatih juga akan membuat segala tugas yang tersebut di atas. Jadi dari sekarang mereka haruslah menguasai kemahiran menulis ini dengan cekap. Demi tujuan itu kajian ini turut menjadi panduan kepada para GP.

Kajian ini juga akan membantu GP mengenal pasti kelemahan mereka tentang penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan. Dengan itu, mereka akan mencari jalan untuk menangani masalah mereka serta mempertingkatkan kebolehan mereka dalam penghasilan karangan yang berkualiti (penggunaan pelbagai jenis ayat). Demi tujuan itu, mereka akan memperbanyakkan tabiat membaca dan menulis.

Pengetahuan GP yang baik dalam penulisan karangan merangsang minat mereka dalam bidang penulisan. Dengan itu, di masa akan datang mereka akan menghasilkan

artikal dan jurnal tentang pelbagai bidang, karya sastera kanak-kanak, cerpen dan novel. Ini membantu memperkayakan khazanah Sastera Tamil tempatan.

Pendek kata kajian ini membantu memberi panduan kepada pelbagai pihak tentang kemahiran menulis seperti yang dinyatakan di atas.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada ayat-ayat dalam karangan BT sahaja. Antara ayat-ayat BT itu pengkaji telah memilih tujuh jenis ayat untuk membuat kajian. Ayat-ayat tersebut adalah:

- i. Ayat tunggal
- ii. Ayat kompaun
- iii. Ayat kompleks
- iv. Ayat seruanan
- v. Ayat tanya
- vi. Ayat cakap ajuk
- vii. Ayat cakap pindah

Tujuh jenis ayat di atas akan digunakan sebagai bahan analisis dalam kajian ini. Responden diminta menghasilkan dua buah karangan. Sebuah karangan jenis cereka dan sebuah lagi karangan jenis ucapan. Tujuannya adalah untuk mengkaji kecekapan responden, iaitu GP dalam penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan jenis karangan.

Kajian ini dijalankan di sebuah institut dan dalam kalangan GP PPISMP ambilan Julai 2010. Dengan itu, data yang terkawal dapat diperolehi. Selain itu, GP PISMP, GP KPLI, GP KDC, GP KSPK dan GP PGSR tidak terlibat dalam kajian ini. Maka, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan.

1.8 Penutup

Pendek kata bab ini menerangkan tujuan dan skop kajian secara terperinci. Reka bentuk kajian, tempat kajian, persampelan, sumber data, instrumen kajian dan sebagainya akan diterangkan secara terperinci dalam bahagian metodologi.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan sejarah BT secara ringkas, kemahiran menulis, ciri-ciri karangan yang bermutu, dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan kajian. Kajian literatur ini dilihat berdasarkan kajian-kajian yang dibuat dalam negara dan juga di luar negara. Aspek-aspek yang akan dibincang dalam bahagian ini adalah seperti berikut:

2.2 Sejarah Bahasa Tamil

2.3 Sintaksis

2.4 Ayat BT dan Jenis-jenisnya

2.5 Kemahiran menulis

2.6 Ciri-ciri karangan yang baik

2.7 Tinjauan kajian lalu

2.7.1 Kajian Dalam Negara

2.7.2 Kajian Luar Negara

2.2 Sejarah Bahasa Tamil


2.2.1 Sifat Bahasa Tamil

BT adalah salah satu bahasa klasik di dunia. Menurut Thomas (2001) dipetik dari Lewis, M. Paul (ed.), (2009), sejarah BT menjangkau 6000 tahun dan hasil sasteranya berusia lebih dari 2000 tahun. Menurut Caldwell Robert (1875) menyatakan bahawa asal-usul BT tidak berapa jelas, akan tetapi bahasa ini berkembang sebagai bahasa

berdikari dan kaya dengan sastera. Dengan ini bolehlah dinyatakan bahawa BT merupakan salah satu bahasa terawal di dunia.

BT adalah salah satu bahasa dalam keluarga Bahasa Dravidian. Appadurai (1956) yang membuat kajian tentang sastera klasik Bahasa-bahasa Dravidian menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 20 jenis Bahasa Dravidian. Antaranya empat bahasa sahaja mempunyai bentuk tulisan dan menghasilkan pelbagai jenis karya teragung. Empat bahasa tersebut adalah Bahasa Tamil, Bahasa Malayalam, Bahasa Telugu dan Bahasa Kannada. Menurut beliau lagi antara empat bahasa tersebut BT merupakan bahasa yang tertua. Ia setaraf dengan bahasa-bahasa klasik lain seperti Bahasa Sanskrit, Bahasa Latin dan Bahasa Greek. Kenyataan ini sejajar dengan kenyataan Caldwell Robert dan Kothandaraman, Pon (2001) yang menyifatkan BT sebagai salah satu bahasa yang tertua dan terawal di dunia.

Saktivel (2002) yang membuat kajian secara terperinci tentang bahasa-bahasa Dravidian menyatakan bahawa terdapat 21 jenis Bahasa Dravidian. Bahasa-bahasa ini dibahagi kepada tiga kategori, iaitu Bahasa-bahasa Dravidian Selatan, Bahasa-bahasa Dravidian Tengah dan Bahasa-bahasa Dravidian Utara. Dalam pembahagian ini beliau bercanggah pendapat dengan Appadurai. Beliau mengketegorkan Bahasa Tamil, Bahasa Malayalam dan Bahasa Kannada dalam kategori Bahasa-bahasa Dravidian Selatan dan Bahasa Telugu dikategorikan dalam Bahasa-bahasa Dravidian Tengah. Pembahagiannya adalah seperti dalam rajah 2.1.



Rajah 2.1 Pembahagian Bahasa-bahasa Dravidian

Lama-kelamaan kajian menjadi lebih terperinci. Lewis, M.Paul (2009) seorang pengkaji etnologi membuat kajian secara mendalam dan menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 85 jenis bahasa dalam keluarga Bahasa Dravidian dan ia dituturkan oleh 200 juta orang. Menurut beliau lagi bahasa-bahasa Dravidian ini dituturkan oleh masyarakat di India Selatan, Timur laut Sri Lanka, Pakistan, Nepal, Bangladesh, Afghanistan, Iran, Malaysia dan Singapura.

Caldwell Robert (1875) menyatakan bahawa BT adalah bahasa induk bagi bahasa-bahasa Dravidian. Appadurai (1956) mengakui kenyataan ini. Beliau menyatakan bahawa BT adalah Bahasa ibunda bagi masyarakat Dravidian. Thevaneyapavanar

(2001) sependapat dengan Caldwell Robert dan Appadurai. Beliau turut menyatakan bahawa BT adalah bahasa induk bagi bahasa-bahasa Dravidian.

Varadarasan (1957) menyatakan bahawa BT sangat kurang meminjam perkataan dari bahasa-bahasa lain. Ini kerana ia kaya dari segi perbendaharaan kata. Apabila dikaji secara terperinci didapati BT boleh berfungsi dengan sempurna tanpa bantuan bahasa-bahasa lain (perkataan dipinjam). Pendapt ini sejajar dengan pendapat Caldwell Robert di mana beliau menyatakan bahawa BT adalah bahasa berdikari. Justeru itulah bahasa ini telah diberi taraf bahasa klasik antara bahasa-bahasa yang ditutur di India (Abdul Kalam, 2004).

BT ditutur secara meluas oleh bangsa Tamil di India Selatan terutamanya di negeri Tamilnadu dan menjadi bahasa kebangsaan negeri tersebut. Manakala ia menjadi salah satu bahasa rasmi di Sri Lanka dan di Singapura. Di Malaysia pula terdapat Sekolah Rendah Tamil dan juga ia diajar sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah dan di sekolah kebangsaan. Selain daripada itu ia ditutur di empat puluh (40) buah negara yang diduduki oleh masyarakat Tamil. Antaranya ialah Kanada, Amerika Syarikat, Mauritius, Afrika Selatan, Jerman, Fiji dan beberapa buah Negara di Asia Selatan. Di Perancis, Jerman, Itali dan Swaziland terdapat sekolah Tamil. (Agatiyalinggam. 2002).


Kajian tentang inskripsi yang dijalankan di India pada tahun 2005 menyatakan bahawa lebih 55% daripada catatan epigrafik di India terdapat dalam bahasa Tamil. George L. Hart (1975) menyatakan bahawa BT mempunyai sastera yang tertua. Akan tetapi usianya tidak dapat dinyatakan dengan tepat. Ini adalah kerana karya-karyanya

ditulis dan disimpan pada manuskrip daun palma (di mana ia pupus dalam peredaran zaman) atau melalui penyampaian lisan. Justeru itu, tarikhnya tidak dapat ditentukan. Menurut beliau lagi, catatan kronologi luaran dan bukti linguistik dalaman menunjukkan bahawa karya-karya ini besar kemungkinan disusun lebih kurang antara abad ke-2 SM dan abad ke-10 Masihi.

Pendek kata BT merupakan sebuah bahasa klasik, bersifat berdikari dan terawal di dunia. Ia setaraf dengan bahasa-bahasa terawal dunia yang lain seperti Bahasa Sanskrit, Bahasa Latin dan Bahasa Hebrew (Agatiyalinggam, 2002). Keistimewaannya adalah ia masih dalam penggunaan dan bukan seperti tiga bahasa yang lain di mana kini tiada dalam penggunaan harian.

2.2.2 Skrip Tamil

Skrip Tamil mempunyai 12 huruf vokal (*uyireluttu*), 18 konsonan (*meyyeluttu*) dan satu aksara bergelar *a:ytam*. Setiap huruf vokal dan konsonan ini digabung supaya mendapat huruf gugusan (*uyirmeyyeluttu*). Contoh pembentukan huruf gugusan adalah seperti berikut:



Huruf gugusan ini adalah sebanyak 216. Jadi keseluruhan skrip Tamil mempunyai 247 huruf, iaitu 30 huruf dalam bentuk tunggal, satu huruf *a:ytam* dan 216 huruf gugusan. (Tolkapiyam Nurpa, 2007).

Selain huruf-huruf ini, enam lagi huruf telah dipinjam dari skrip ‘Grantha’ (tulisan bagi bunyi Sanskrit). Skrip Grantha terutamanya digunakan untuk menulis perkataan-perkataan yang dipinjam dari bahasa Sanskrit (Govindarasan, 1993). Ia juga digunakan untuk mewakili bunyi-bunyi yang tidak terdapat dalam bahasa Tamil, seperti kata-kata pinjaman dari bahasa-bahasa lain. Contohnya *sharpam (ular)*, *isteri (perempuan)*, *Muhammad*, *stor* dan sebagainya.

Sistem tulisan BT berasaskan suku kata dan bukannya huruf. Skripnya ditulis dan dibaca dari kiri ke kanan. (Iravatham, 2003).

2.2.3 Karya-karya BT

Terdapat pelbagai karya termasyhur dalam BT. Antaranya ‘Tolkaappiyam’ yang dikarang oleh Tolkaapiyar. Ia bukan sahaja karya tertua BT malah ia turut merupakan karya tertua Bahasa Dravidian (Saktivel, 2002). Karya ini menerangkan tentang nahu BT, pembentukan perkataan serta ciri-ciri tatabahasa Tamil. Kualitinya setaraf dengan karya-karya nahu bahasa-bahasa lain di dunia seperti Sanskrit, Greek, Hibeew dan Latin. (Agatiyalinggam, 2002).

Selain ‘Tolkappiyam’, teks-teks sastera paling lama yang masih wujud ialah teks-teks Sastera Sanggam. Teks-teks ini telah dibahagi kepada Sepuluh Idil (pattuppa:TTu) dan Lapan Antologi (eTTuttogai). Puisi-puisi dalam karya-karya ini dibahagi kepada ‘agam’ dan ‘puram’. ‘agam’ adalah puisi-puisi yang bertemakan cinta dan ‘puram’ adalah puisi-puisi yang bertemakan peperangan dan amalan menderma. Kesemua 18 karya ini dikenali sebagai ‘patiNen me:l kaNakku’ (Varadarasan, 1986).

Karya-karya ‘patiNen me:l kaNakku’ ini diikuti dengan ‘patiNen ki:l kaNakku’. Dalam barisan ‘patiNen ki:l kaNakku’ terdapat sebanyak 18 buah karya. Kesemuanya bertemakan kesetiaan kepada Tuhan, cinta, peperangan dan amalan menderma. Antara 18 buah karya ini ‘tirukkuraL’ yang dikarang oleh Thiruvalluvar merupakan karya yang teragung. Karya ini merupakan karya termasyur di India. Di samping itu, ia telah dialih bahasa ke bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Rusia dan beberapa buah bahasa di India (Varadarasan, 1986). Ia juga turut dialih bahasa dalam BM.

Selain daripada ini, terdapat lima karya epik teragung (panjang) (aimperum ka:ppiyam) dan lima karya epik pendek (aiñciRu ka:ppiyam). Kesemua karya ini bertemakan nilai-nilai murni. Terdapat juga karya-karya teragung yang dialih bahasa dari Bahasa Sanskrit ke BT, iaitu ‘Ramayana’ dan ‘Mahabaratha’. Ada juga sebuah karya dari Bahasa Maharasdra dialih bahasa ke BT, iaitu karya ‘pañjatan̄taram’ (Varadarasan, 1986).

BT juga kaya dengan karya-karya pujaan (sembahyang). Antaranya ialah karya Mahzab Saiva, iaitu ‘panNiru tirumuṛai’ dan karya Mahzab Vaisnava, iaitu ‘a:l̄var kataigal’ dan ‘n̄ala:yira tivya brabantam’. Di samping itu, terdapat juga pelbagai karya tentang empat lagi Mahzab dalam agama Hindu. Selain itu, karya-karya dalam pelbagai bentuk puisi yang dikenali sebagai ‘pirabanta ilakkiyam’ turut memperkayakan BT (Varadarasan, 1986).

Antara abad ke 13 dan ke 18, semasa kedatangan Muslim dan Kristian, wujud pula karya-karya yang menceritakan keesahan Nabi Muhammad dan Nabi Isa. Karya ‘ci:rappura:Nam’ yang dikarang oleh Umaruppulavar menceritakan keagungan agama Islam dan Nabi Muhammad. Manakala ‘te:mbavani’ yang dikarang oleh Beschi (1680-1747) seorang Paderi Kristian dari Itali menceritakan keagungan agama Kristian dan kehidupan St. Joseph. (Saktivel, 1987).

Pada kurun ke-20 ramai pujangga, penyair dan pengarang telah wujud. Mereka menghasilkan puisi, prosa, drama, novel, biografi, cerpen dan sebagainya. Antara mereka adalah Dr. Swaminatha Iyer, Swami Vedachalam, V.Kalyanasundara Mudaliar V.U.Chidambaram Pillai, Kannathasan, Kaviko Abdul Rahman, Kalki Krishnamoorthy dan ramai lagi (Ilavarasu, 1976).

Baginilah berkembangnya sastera Tamil hingga kini. Perkembangannya merangkumi pelbagai aspek seperti bahasa, sastera, agama, penterjemahan dan sebagainya.

2.2.4 Bentuk Penyampaian

Teks BT mempunyai dua jenis bentuk, iaitu bentuk puisi dan bentuk prosa. Dalam BT puisi ataupun sajak dikenali sebagai ‘ceiyul’ dan prosa dikenali sebagai ‘urainaTai’ (Saktivel, 1987).

Menurut ahli kaji BT, pada awalnya segala teks BT disampaikan dalam bentuk puisi. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang menyatakan bahawa terdapat juga bentuk penyampaian prosa sebelum terhasilnya karya tertua BT iaitu ‘tolka:ppiyam’. Akan

tetapi, prosa yang terhasil dalam kurun ke-8 Masihi iaitu ‘*iṛayana:r kaLaviyaLurai*’ dianggap sebagai karya berbentuk prosa pertama. Seterusnya, antara kurun ke-8 Masihi hingga kurun ke-15 Masihi, para cendekiawan banyak memprosakan karya-karya sastra lama. Walau bagaimanapun, bentuk prosanya tidak seperti prosa zaman kini. Bentuknya sukar untuk difahami oleh semua lapisan masyarakat. Ini adalah kerana ayatnya terlalu panjang dan penggunaan perkataannya mempunyai unsur-unsur tersirat (Parantamanar, 1998).

Kedatangan orang Eropah ke India pada kurun ke-17 membawa perubahan dalam teks BT. Mereka yang bertujuan untuk menyebarkan agama Kristian dalam kalangan masyarakat Tamil cuba mempelajari BT dan menulis dalam BT. Mereka menghasilkan penulisan dalam bentuk prosa. Robert de Nobili seorang paderi Kristian menulis beberapa buah buku agama kristian dalam bentuk prosa Tamil. Akan tetapi, bentuknya tidak begitu sempurna (Ilavarasu, 1976).

Pada kurun ke-18, Joseph Besky seorang paderi agama kristian yang berasal dari Itali banyak menyumbang kepada perkembangan prosa BT. Beliau menulis beberapa buah buku dalam bentuk prosa. Tulisan beliau mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Hasil karya termahshur yang dikarang oleh beliau adalah ‘***parama:rta guru katai***’ dan ‘***te:mba:vani***’. Pada kurun yang sama pelbagai hasil karya dari Utara India telah dialih bahasa ke BT dalam bentuk prosa. Pendek kata bentuk prosa mendapat tempat yang istimewa pada kurun ini (Saktivel, 1987).

Pada kurun ke-19, bentuk prosa BT berkembang lagi. Salah satu cerita terkemuka tanah air India, yaitu 'pañjatantaram' dari Bahasa Maharasdra telah dialih bahasa ke BT dalam bentuk prosa. Pada zaman ini Arumuganavalar yang dikenali sebagai 'bapa prosa BT' telah memprosakan banyak puisi BT. Selain daripada beliau beberapa orang cendiakawan turut menyumbang kepada perkembangan prosa BT. (Ilavarasu, 1976).

Pada kurun ke-20, bentuk prosa banyak mempengaruhi dunia sastera Tamil. Ramai cendiakawan seperti Dr.U.V.Saminathaiyar, M.Varadarasan, Sandilyan dan banyak lagi cendiakawan menghasilkan pelbagai karya sastera dalam bentuk prosa (Ilavarasu, 1976).

Dengan ini, jelaslah bahawa teks BT pada awalnya disampaikan dalam bentuk puisi ataupun sajak. Secara beransur-ansur bentuk prosa digunakan oleh para cendiakawan Tamil untuk menghasilkan karya-karya BT. Di samping itu, mereka juga memprosakan teks berbentuk puisi dan mengalih bahasa hasil karya bahasa lain terutamanya dari bahasa-bahasa Utara India ke BT. Hasilnya, lama-kelamaan wujudlah penggunaan pelbagai jenis ayat dalam penulisan BT. Demi menarik perhatian para pembaca cendiakawan-cendiakawan cuba menggunakan pelbagai jenis ayat dan tanda baca dalam penulisan mereka. Unsur-unsur ini jelas kelihatan dalam hasil tulisan mereka pada kurun ke-20. Antara mereka adalah M.Varadarasan, Agilan, Saandilyan dan cendiakawan-cendiakawan lain.

2.3 Sintaksis

Normaizam Hami (2002) mencatat bahwa perkataan sintaksis ini berasal daripada perkataan Yunani. Cara pembentukan perkataannya adalah ‘*sun+tattein*’ di mana ‘*sun*’ maksudnya ‘dengan’ dan ‘*tattein*’ bermaksud ‘menempatkan bersama-sama’. Jadi, sintaksis maksudnya adalah menggabungkan perkataan-perkataan bersama dan menjadikannya kelompok kata ataupun ayat. Perkataan ‘*suntattein*’ ini kemudiannya dikenali sebagai ‘*syntaxis*’ dalam bahasa Belanda dan seterusnya menjadi ‘*syntax*’ dalam BI, dan kini ia dikenali sebagai sintaksis dalam BM. Dalam BT sintaksis dikenali sebagai ‘*todariyal*’.

Sintaksis merupakan satu cabang ilmu bahasa. Ia mengkaji bentuk, struktur serta binaan ayat (Tatabahasa Dewan, 2004). Ia bukan sahaja mengkaji proses pembinaan ayat malah turut mengkaji hukum-hukum yang menentukan bagaimana perkataan disusun dalam ayat. Secara sederhana dapatlah dikatakan bahawa sintaksis itu pembinaan ayat (Darwis Harahap, 1992).

Menurut Noam Chomsky (1957: 1), sintaksis didefinisikan sebagai:

"Syntax is the study of the principles and processes by which sentences are constructed in particular languages. Syntactic investigation of a given language has as its goal the construction of a grammar that can be viewed as a device of some sort for producing the sentences of the language under analysis."

Michelson (2000:14) pula menyatakan bahawa:

"Syntax is the way words are put together in a language to form phrases, clauses, or sentences."

Kenyataan yang sama turut dinyatakan dalam Tatabahasa Dewan edisi baru (2004:317) seperti berikut:

Bidang sintaksis sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa.

Jadi, jelaslah bahawa sintaksis merupakan ilmu yang menyatakan tentang pembentukan ayat dan unsur-unsur ayat.

2.4 Ayat

Para ahli bahasa menyatakan bahawa ayat merupakan tahap tertinggi dalam penulisan dan komunikasi. Menurut Pendeta Za'ba, susunan perkataan yang mempunyai hujung dan pangkal yang sempurna dan memberi maksud yang tepat adalah ayat. Kenyataan ini dinyatakan oleh beliau dalam bukunya Pelita Bahasa Melayu, Penggal 1 seperti berikut:

“ayat susunan perkataan yang sekumpul-sekumpul dengan tentu hujung pangkalnya dan tempat berhentinya serta memberi faham yang sempurna tiap-tiap sekumpul kata yang dikatakan itu....Maka tiap-tiap sekumpul perkataan itu ialah susunan yang sempurna maksudnya”

(Abdul Hamid Mahmood, 2006: 149)

Nukhman (2007:181) sependapat dengan Pendeta Za'ba. Beliau menyatakan bahawa susunan perkataan yang betul dan membawa makna yang sempurna adalah ayat.

Kenyataan beliau ini dijelaskan seperti berikut:

!À;ÕÛ¼Ãð¼ì, Å", Å¢ø |°;ü, û ´Õ ÎÈ¢ôÀ¢ð¼
 ´øíîÓ"ÈìÎ ²üÀ ´ýÜ¼ý ´ýÜ «"Áôð Ã£¼¢Âì,
 þ"¼óð ´Õ ÓüÜð |À;Õ"Çò ¼ÕÁ;Â¢ý «¼"É
 Âìì, ¢Âõ ±ýÜ ÜÈÄ;õ.

poruLtarattakka vagaiyil soRkaL oru
 kuRippiTTa oluñggumuRaikku e:Rpa
 onRuTan onRu amaippu ri:tiya:ga iNaintu
 oru muRRup poruLait taruma:yin atañai
 va:kkiyam enRu ku:RaI:m.

Apabila perkataan disusun mengikut peraturan sintaksis dan memberi maksud yang sempurna maka ia dikatakan sebagai ayat.

Michelson (2000:16) pula mendefinisikan ayat seperti berikut:

- i. *It is construction that can stand alone, without people feeling it to be incomplete.*
- ii. *It is constructed according to agreed rules of grammar, that is, it has a certain structure.*
- iii. *It is the largest structure to which the rules of grammar apply.*

Verna L.Newsone & Enola Borgh (1952:42) pula menyatakan bahawa:

sentence as a thought process in which two grammatical elements are joined to form a grammatical unit.

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1994) yang dipetik dari Abdul Hamid Mahmood (2006) menyatakan bahawa perkataan-perkataan yang disusun dengan urutan tatabahasa yang tepat dan memberi maksud yang sempurna adalah ayat.

Ada ayat yang terdiri daripada dua patah perkataan sahaja namun ia dapat diterima sebagai ayat yang sempurna. Contohnya:

Kami makan.

Walau bagaimanapun, sesuatu ayat itu mesti mempunyai dua bahagian, iaitu:

- (i) benda atau subjek
- (ii) cerita atau predikat

Dengan ini, bolehlah dikatakan bahawa ayat tidak semestinya panjang tetapi boleh terdiri daripada dua patah perkataan sahaja asalkan ia boleh difahami.

Sitharthan (2003) menyatakan bahawa ayat adalah unit asas yang membawa idea yang sempurna. Ayat juga merupakan rangkai kata atau barisan perkataan yang membawa makna yang sempurna. Sekiranya sesuatu rangkai kata itu tidak memberi makna maka ia tidak dianggap sebagai ayat. Misalnya:

Harimau arnab rumah.

Walaupun perkataan-perkataan dalam susunan ini kelihatan seperti satu rangkai kata, namun ia tidak dianggap sebagai ayat. Ini adalah kerana ia tidak membawa sebarang maksud. Susunan perkataan yang membawa maksud yang boleh difahami sahaja dianggap sebagai ayat. Misalnya:

Harimau memburu arnab.

Kenyataan ini selaras dengan kenyataan ahli bahasa Amerika Noam Chomsky. Beliau memberi contoh ayat berikut:

Colorless Green Ideas Sleep Furiously.

Dengan ayat ini beliau menyatakan bahawa walaupun ayat ini kelihatan sempurna namun ia tidak dianggap sebagai ayat. Ini adalah kerana ayat ini tidak mendukung makna yang munasabah (Abdul Hamid Mahmood, 2006). Dengan ini, bolehlah

menyimpulkan bahawa perkataan-perkataan yang disusun dengan betul dan tidak lari daripada hukum tatabahasa serta memberi makna yang sempurna adalah ayat.

Michelson (2000:1) menyatakan bahawa ayat adalah unit terbesar dalam aspek tatabahasa. Beliau telah menerangkan tentang ayat seperti berikut:

"In the hierarchy of the nuts and bolts of language, we can say that :

- * A sentence consists of one or more clauses*
- * A clause consists of one or more phrases*
- * A phrase consists of one or more words*
- * A word consists of one or more morphemes"*

Justeru itu, bolehlah dinyatakan bahawa klausa atau gabungan beberapa klausa membentuk satu ayat dan asas pembentukan ayat bermula dari morfem.

Terdapat dua golongan ayat, iaitu:

- i. golongan ayat dasar atau ayat inti
Laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) bagi SPM 2002 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003) menggariskan maksud karangan yang cemerlang. Menurut laporan ini, karangan dalam tahap cemerlang perlu memberi takrif kepada tajuk dengan baik, mengemukakan lebih daripada tiga isi dan menghuraikan isi dengan jelas. Setiap isi itu perlu disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai. Di samping itu, isu-isu yang diutarakan matang dan dikaitkan dengan keadaan semasa.

Dari aspek bahasa pula, karangan ditulis dengan bahasa yang baik, jelas dan lancar. Kepelbagaian dan keragaman dalam struktur ayat perlu digunakan. Memerlukan ayat-

ayat yang gramatis dan pemilihan diksi yang sesuai mengikut tajuk yang dibincangkan. Kesalahan bahasa yang sangat kurang. Pengolahan, penyampaian dan pemerenggan menarik dan berkesan.

Menurut Lembaga Peperiksaan lagi, karangan pada tahap sederhana biasanya tidak berapa sesuai dengan tajuk, kurang jelas dan gagal mengemukakan isi dengan tepat. Isi yang dikemukakan pula kurang dan tidak mengikut urutan, kurang sesuai dan huraian isi tidak jelas. Idea dan contoh yang diberikan pula kurang matang. Dari aspek bahasa pula kurang memuaskan dan kadangkala salah penggunaannya. Kepelbagaian dan keragaman ayatnya juga kurang. Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan.

Karangan dinilai sebagai lemah apabila tidak ditulis mengikut kehendak soalan. Biasanya karangan pada tahap ini mempunyai takrif yang kurang tepat dengan tajuk, isi-isi yang diberi tidak jelas dan tidak berkaitan. Huraian isi kurang dan lemah. Contoh yang diberi tidak tepat, bahasa yang digunakan tidak lancar dan banyak melakukan kesalahan tata bahasa sehingga sukar memahami maksud ayat. Struktur ayat lemah dan tiada keragaman serta kurang daripada 100 patah perkataan (Lembaga Peperiksaan, 2003).

Menurut laporan ini, bolehlah menyimpulkan bahawa salah satu aspek yang penting dalam penghasilan karangan yang baik adalah penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Dengan itu, pemahaman dalam penggunaan pelbagai jenis ayat perlu diberi perhatian samasa menulis karangan.

Menurut Saharuddin Abdullah, (2010) asas karangan yang perlu dikuasai untuk menghasilkan karangan yang baik adalah:

- i. menulis pendahuluan
- ii. perenggan isi
- iii. penutup
- iv. membuat analisis soalan
- v. merangka karangan
- vi. merancang penulisan
- vii. merancang masa
- viii. menyemak hasil penulisan

Biasanya karangan dibentuk melalui jalinan ayat yang berkesan. Jalinan ayat yang berkesan ini membantu menghasilkan karangan yang baik. Demi tujuan itu, penggunaan tanda wacana adalah wajib. Ayat-ayat dalam karangan haruslah dihubungkan ataupun dimula dengan penanda wacana yang sesuai (Saharuddin Abdullah, 2010).

Menurut Awang Sariyan (2004) ayat yang berkesan harus mengandungi ciri-ciri seperti:

- i. kesatuan gagasan
- ii. kepaduan
- iii. penekanan
- iv. kepelbagaian

- v. kesejajaran
- vi. penalaran dan logika.

Antara enam syarat ini syarat pertama, kedua dan keenam merupakan syarat yang paling utama. Manakala syarat ketiga, keempat dan keenam dianggap sebagai unsur pelengkap (Awang Sariyan, 2004).

Parantamanar (1998) menyatakan bahawa penggunaan pelbagai jenis ayat adalah sangat penting dalam penulisan karangan yang baik. Penggunaan pelbagai jenis ayat membantu menghasilkan karangan atau cerita yang gramatis. Beliau telah menerangkan kenyataan ini seperti berikut:

ÀÄÄ", Å;î, ¢ÄÍ, "Çî, ÄÓÐ ±Ø%¢É;ø%iý
 , ðÎ"Ã\$Â; , "%\$Â; Í"ÄÄ; , þÕìÎõ. °¢Ú
 Å;î, ¢ÄÍ, ÛìÎ \$Ä, õ ¯ñÎ.
 !ÄÖÅ;î, ¢ÄÍ, Ûì\$, ; , õÄ£Äõ ¯ñÎ. !Ä;ÖÙìÎ
 ²üÊÄ;Ú Å;î, ¢ÄÍ, û «"ÄÖõ.
 (ÄÄó%iÁÉ;÷, 1998:337)

*palavagai va:kkiyaṅgaLai kalantu ezhutina:lta:n
 kaTTuraiyo: kataiyo: suvaiya:ga irukkum. siRu
 va:kkiyaṅgaLukku ve:gam uNDu.
 peruva:kkiyaṅgaLukko: gambit:ram uNDu.
 poruLukku e:RRava:ru va:kkiyaṅgaL amaiyum.*

*Penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan atau cereka membantu menghasilkan karangan yang berkualiti. Ayat pendek menerangkan sesuatu isi dengan mudah dan ringkas. Manakala ayat panjang mempunyai daya tarikan. Penggunaan ayat haruslah selaras dengan isi yang ingin disampaikan.
 (Parantamanar, 1998:337)*

Menurut beliau lagi, pendahuluan dan penutup yang baik dan menarik merupakan ciri-ciri penting dalam sebuah karangan yang baik. Selain daripada itu, jenis ayat yang tepat haruslah digunakan mengikut tajuk karangan. Misalnya, karangan jenis cereka memerlukan ayat jenis cakap ajuk dan cakap pindah. Karangan jenis laporan

memerlukan ayat nyata dan sebagainya. Jadi, penggunaan ayat haruslah bersesuaian dengan jenis dan tajuk karangan.

Pendapat Michelson (2000) sejajar dengan Parantamanar (1998). Beliau menyatakan bahawa penggunaan ayat panjang dan pendek bukan sahaja memberi irama yang menarik malah menimbulkan rasa minat para pembaca. Di samping itu, penggunaan pelbagai jenis ayat menghasilkan karangan yang beraksi dan berkualiti. John Langan (2008) sependapat dengan Michelson (2000). Beliau menyatakan bahawa penggunaan pelbagai jenis ayat dalam sesebuah karangan adalah wajib; kerana ia membantu menghasilkan karangan yang berkualiti.

Nasir Johan (2011) menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang mantap penting untuk karangan yang baik. Demi tujuan itu, ayat-ayat perlu dimantapkan dengan perbendaharaan kata yang dapat menunjukkan kekuatan bahasa. Beliau juga menyatakan bahawa penggunaan ayat-ayat mudah dan ayat-ayat kompleks dengan seimbang membantu menghasilkan karangan yang baik.

Michelson (2000) dan Parantamanar (1998) berpendapat bahawa pengetahuan am dan pengetahuan bahasa amat diperlukan untuk penghasilan karangan yang berkualiti. Pengetahuan am membantu menghasilkan idea atau isi karangan yang berkualiti. Manakala pengetahuan bahasa membantu menggunakan pelbagai aspek bahasa khususnya pelbagai jenis ayat semasa menulis karangan. Ini membantu penulisan karangan dapat dilakukan tanpa tergendala atau tersekat di mana-mana bahagian ataupun perenggan.

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil STPM objektif bagi kemahiran menulis dinyatakan seperti berikut:

*Membina kebolehan menggunakan fikiran
dan menghasilkan penulisan esei yang
bermutu dengan menggunakan bahasa yang
betul dan kemas*

(Majlis Peperiksaan Malaysia, 2000:1)

Kenyataan ‘...menggunakan bahasa yang betul dan kemas’ membawa bermaksud penguasaan dalam aspek-aspek bahasa seperti binaan ayat yang bervariasi, struktur ayat yang betul, penggunaan penanda wacana yang sesuai, tanda baca yang tepat dan tiada kesalahan ejaan. Jadi, jelaslah bahawa penguasaan pelbagai jenis ayat menjadi salah satu aspek yang diperlukan untuk menghasilkan karangan yang berkualiti.

Raimes dalam bukunya yang berjudul *Technique in Teaching Writing* menyatakan bahawa salah satu unsur yang terpenting dalam penghasilan sebuah karangan yang baik adalah pemilihan ayat yang tepat dan baik.

Flower dan Hayes dalam buku berjudul *A Cognitive Process Theory of Writing* dipetik dari artikal Dewan Bahasa, Feb. 2001 oleh Abdul Shukor Shaari mengatakan seorang penulis biasanya akan menulis beberapa draf semasa menulis. Dalam proses ini penulis akan mempelbagaikan corak persembahan, termasuk struktur ayat dan pemilihan kata. Penulis juga berusaha mendapatkan bahan, memperkembangkan perenggan, menentukan persembahan ayat, memilih kata dan meneroka gaya penulisan yang baik dan bersesuaian dengan tajuk penulisan. Justeru itu, pemilihan ayat dan penggunaan pelbagai jenis ayat sangat diperlukan untuk karangan yang baik.

Pendek kata, penggunaan pelbagai jenis ayat merupakan salah satu ciri terpenting dalam karangan yang baik. Jadi, penguasaan pelbagai jenis ayat membantu seorang penulis, khasnya GP supaya menjadi arif dalam menulis karangan yang berkualiti.

2.7 Tinjauan Kajian Lalu

Kajian-kajian seperti kesalahan BT dalam media massa, iklan dan penulisan karangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Misalnya ‘Analisis penggunaan tatabahasa yang betul dalam karangan BT’ dilakukan oleh Muniandy a/l Govindsamy, (2009), ‘Analisis kohezi dalam esei BT’ dilakukan oleh Kumaran.R (2006) dan Mahideli.K (2007). Namun pengkaji-pengkaji ini melakukan kajian-kajian tersebut dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan pelajar-pelajar sekolah menengah. Walau bagaimanapun, kajian tentang penggunaan pelbagai jenis ayat terdapat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Dengan itu, beberapa hasil kajian tersebut ditinjau dalam bahagian ini.

2.7.1 Kajian Dalam Negara

Mohd. Nadzari Mahamud (2006) telah membuat satu kajian tentang '*Analisis Penggunaan Ayat Majmuk Dalam Penulisan Karangan di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Enam Rendah*'. Kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar-pelajar tingkatan enam rendah di daerah Jerantut.

Kaedah kajian eksperimental digunakan oleh pengkaji. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan ujian pra dan ujian pos untuk mendapat data. Kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terdiri daripada 80 orang pelajar. Mereka diberi ujian pra dan ujian pos. Setelah ujian pra kumpulan eksperimen sahaja diberi rawatan mengikut modul dan buku tatabahasa dewan dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Berdasarkan penilaian secara holistik, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian pelajar dalam penulisan karangan antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen. Walau bagaimanapun, teknik ini mungkin memberi sedikit sebanyak kesan dalam meningkatkan penguasaan gaya penulisan pelajar.

Kesimpulannya, kajian ini menjelaskan bahawa pelajar-pelajar masih lagi lemah dalam penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk dalam karangan mereka walaupun memberi latihan. Akan tetapi, latihan ini diberi dalam jangka masa yang singkat. Sekiranya pelajar-pelajar didedahkan dengan lebih banyak latihan mungkin mereka akan mahir dalam penggunaan pelbagai jenis ayat (majmuk) dalam karangan mereka.

‘Analisis Penggunaan Kepelbagaian Ragam Ayat dalam Karangan Jenis Cereka di Kalangan Pelajar Tingkatan 4’ telah dibuat oleh Halim Arifin (1999). Kaedah kajian eksperimental digunakan oleh beliau dalam kajian ini.

Data-data kajian ini dianalisis dengan menggunakan ujian F (*Functional test*) dan ujian-t. Kumpulan eksperimen diberi rawatan, iaitu mendedahkan mereka kepada aspek pengajaran dan pembelajaran mengenai konsep ragam ayat.

Pada peringkat ujian pos data-data diteliti untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan dengan mengambil perbezaan min dan nilai t bagi setiap kumpulan dan juga untuk melihat perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan. Secara amnya, dapatlah dikatakan bahawa prestasi pelajar kumpulan eksperimen ternyata jauh lebih baik berbanding kumpulan kawalan dari segi penghasilan kepelbagaian ragam ayat. Kumpulan eksperimen berjaya menghasilkan 771 ayat penyata berbanding 669 ayat bagi kumpulan kawalan. Begitu juga dengan ayat tanya dengan penghasilan sebanyak 5 ayat berbanding 2 ayat.

Kesimpulannya, kajian ini menjelaskan bahawa pelajar memang lemah dalam penggunaan pelbagai jenis ayat. Namun, sekiranya mereka didedahkan dengan konsep ragam ayat, maka mereka akan menggunakan pelbagai jenis ayat dalam karangan mereka.

Khairudin Ismail (1997) dalam kajiannya '*Analisis Binaan Ayat dalam Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah*' menyatakan bahawa pelajar menengah rendah kurang menghasilkan ayat-ayat tunggal berbanding ayat majmuk dalam karangan mereka.

Analisis data menunjukkan terdapat sebanyak 812 ayat dalam 50 buah karangan. Antara 812 ayat tersebut 103 ayat adalah ayat tunggal dan 709 ayat adalah ayat majmuk. Ayat-ayat majmuk ini terdiri daripada ayat majmuk pancangan, ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk campuran. Dari segi purata pelajar menggunakan 16 ayat untuk menghasilkan sebuah karangan. Antara 16 ayat tersebut 14 adalah ayat majmuk dan 2 adalah ayat tunggal. Ini menunjukkan pelajar lebih cenderung menggunakan ayat majmuk berbanding ayat tunggal.

Ayat majmuk campuran paling banyak digunakan oleh pelajar, iaitu sebanyak 464 ayat atau 65.4%. Akan tetapi, terdapat kelemahan dalam pembinaannya. Dengan ini, bolehlah dikatakan pelajar tidak begitu mahir dalam penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk dan kurang menggunakan ayat tunggal. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan para pelajar didapati kurang mahir dalam mempelbagaikan pola ayat.

Latihan ilmiah bertajuk '*Analisis Kesalahan Bahasa: Fokus Kepada Rancangan "Pagi di Era Bersama K&K"*' oleh Fairuzyani Md. Yaakub (2006/2007) menyatakan terdapat kesalahan sintaksis, iaitu kesalahan struktur ayat dalam penyampaian juru hebah dan pendengar radio. Pengkaji merakam dialog antara juru hebah dan pendengar yang menghubungi melalui talian telefon. Daripada rakaman itu, beliau

mengecam sebanyak 168 kesalahan struktur ayat. Kesalahan struktur ayat dalam perbualan ini terbawa semasa menulis.

Ismail Mis (2007) telah membuat satu kajian terhadap '*Penggunaan Tatabahasa Bahasa Malaysia dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*'. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kualiti penulisan pelajar-pelajar sekolah menengah. Melalui kajian ini, beliau menyatakan pelajar sering membuat kesalahan dalam penggunaan imbuhan, mengeja dan penggunaan frasa dalam BM. Di samping itu, pelajar juga banyak menggunakan dialek, yang berupa perkataan atau istilah ketika membina ayat. Akibatnya, ia merosakkan binaan keseluruhan sesuatu ayat (Pelita Bahasa, 2007).

Mahideli Krishnan (2007) dalam kajiannya '*Analisis Kohesi dalam Karangan Bahasa Tamil Pelajar Tingkatan Satu*' membuktikan bahawa kebanyakan guru mengajar penulisan karangan dengan hanya mementingkan isi karangan dan tidak mengajarkan penggabungan ayat serta pembinaan pelbagai jenis ayat. Akibatnya, isi karangan tidak begitu jelas dan menjejaskan kualiti karangan.

2.7.2 Kajian Luar Negara

Nee Kh Ngah (2007) dalam kajiannya menyatakan bahawa karangan yang dihasilkan selepas menggunakan kaedah kolaboratif adalah berkualiti. Ruth Ann Beeker (1969) dipetik dari Siti Halijah Haji Laungeng (1988) pernah memberi pandangan yang sama tentang kaedah kolaboratif ini. Beliau menyatakan bahawa karangan yang dihasilkan selepas perbincangan adalah berkualiti dan produktif. Cara penyampaian karangan sedemikian kelihatan menarik, jelas dan gramatis. Dengan ini, bolehlah dinyatakan kaedah kolaboratif ini bukan sahaja menjana pelbagai isi, malah membantu pelajar supaya menggunakan pelbagai jenis ayat semasa menghasilkan sebuah karangan yang baik.

La Brant (1933) dipetik dari Siti Halijah Laungeng (1988) membuat satu kajian dalam kalangan kanak-kanak berumur lapan tahun ke atas di USA. Menurut kajiannya didapati responden menggunakan klausa-klausa kecil sahaja; dan beliau menyatakan ini mungkin disebabkan mereka tidak didedahkan dengan pelbagai jenis ayat. Jadi, sekiranya mereka diajar dengan jelas tentang penggunaan pelbagai jenis ayat, maka mereka akan menggunakannya dalam penulisan mereka. Dalam kajian ini beliau juga menyatakan klausa-klausa kecil bertambah dengan kematangan penulis dan ayat bertambah kompleks. Demi tujuan itu pelajar-pelajar harus didedahkan dengan pengetahuan am serta pengetahuan bahasa. Kepentingan kajian La Brant diakui dan diikuti ramai pengkaji selepasnya.

Herrick dan Jacobs (1955) dipetik dari Mohd. Yunus Kamsan (2000) membuat satu lagi kajian terhadap kanak-kanak berumur 4 tahun di USA. Dalam kajian ini pengkaji menyatakan bahawa sebilangan kecil pertuturan kanak-kanak berumur 4 tahun

mempunyai ayat berlapis dan ayat berkait. Apabila kanak-kanak ini berumur 6 tahun, mereka boleh menggunakan setiap bentuk ayat. Bahasa lisan dan tulisan kanak-kanak ini bertambah matang semasa mereka mengikuti pendidikan di sekolah rendah. Ciri-ciri yang kelihatan dalam bahasa mereka adalah:

- i. Ayat bertambah panjang.
- ii. Ayat dasar menjadi kurang; manakala ayat berlapis dan ayat berkait bertambah banyak.
- iii. Selepas Gred 4 kesalahan tatabahasa menjadi berkurangan.
- iv. Ulangan penggunaan kata-kata tertentu menjadi berkurangan.
- v. Ayat-ayat yang bermula dengan 'I' (saya) menjadi berkurangan.

Dengan ini, bolehlah dinyatakan bahawa kematangan usia kanak-kanak mendorong mereka menggunakan pelbagai jenis ayat dalam perbualan dan penulisan mereka. Ini disebabkan oleh pengetahuan bahasa dan pengetahuan am yang mereka peroleh dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dari semasa ke semasa. Justeru itu, bolehlah dikatakan kanak-kanak perlu diajar dan didedahkan dengan pengetahuan am dan pengetahuan bahasa supaya mahir dalam penggunaan pelbagai jenis ayat. Perkara yang sama diperlukan untuk GP IPG di mana mereka perlu diberi pendedahan dari semasa ke semasa tentang pengetahuan am dan pengetahuan bahasa; khususnya tentang pelbagai jenis ayat dan penggunaannya mengikut tajuk karangan.

Harrel (1957) dipetik dari Mohd. Yunus Kamsan (2000) sependapat dengan Herrick dan Jacobs (1955). Beliau membuat kajian mengenai penggunaan bahasa lisan dan penulisan murid-murid berusia 9 hingga 15 tahun. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati penjang ayat dan penggunaannya bertambah mengikut perkembangan usia. Klausa adverb dan klausa sifat lebih banyak digunakan oleh responden dalam bahasa

tulisan berbanding bahasa lisan. Sebaliknya, klausa nama lebih banyak digunakan dalam bahasa lisan berbanding bahasa tulisan.

Gunn & Terasaki (1982) melaporkan ada pelajar sekolah menengah menggunakan ayat-ayat yang tidak spesifik, ayat-ayat yang tidak terhurai dan banyak juga menggunakan ayat-ayat yang mudah. Pendek kata, pelajar lemah dalam penghasilan pelbagai jenis ayat dalam penulisan karangan.

Kajian-kajian lepas di dalam dan di luar Negara jelas memaparkan pelajar-pelajar lemah dalam penggunaan pelbagai jenis ayat. Ini disebabkan oleh pendekatan pengajaran dan pembelajaran karangan lebih mementingkan penyampaian isi. Akibatnya, pelajar menghadapi masalah dalam penghasilan karangan yang mengandungi ayat-ayat gramatis. Sekiranya pelajar didedahkan dengan pengetahuan bahasa dan pengetahuan am daripada alam kanak-kanak lagi, maka mereka tidak akan menghadapi masalah dalam penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Masalah-masalah yang dinyatakan dalam kajian dalam dan luar Negara turut berlaku dalam karangan BT. Dengan itu, murid-murid memerlukan pendedahan dalam pengetahuan am dan pengetahuan bahasa dari sekolah rendah lagi.

2.8 Kesimpulan

Kajian literatur menjelaskan bahawa menulis adalah satu kemahiran yang harus dikuasai oleh setiap GP. Kemahiran dalam penggunaan pelbagai jenis ayat adalah sangat penting kerana ia membantu menghasilkan karangan yang berkualiti. Kajian-kajian lepas menegaskan beberapa perkara yang harus diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Di samping itu, ia juga memberi input tentang kebolehan pelajar menguasai kemahiran menulis serta penggunaan pelbagai jenis ayat dari peringkat demi peringkat. Walaupun ia menerang tentang penulisan karangan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan dalam kalangan pelajar-pelajar bukan India; namun input-input tersebut sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan BT.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Maklumat yang tepat adalah perkara yang terpenting dalam menghasilkan satu kajian yang baik. Demi memenuhi tujuan tersebut, metodologi memainkan peranan yang amat penting. Ia menjamin kaedah yang digunakan oleh pengkaji (Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yosoff Boon, Abdul Rahim Hamdan, 2009). Pendek kata, metodologi penyelidikan menjadi panduan dalam pelaksanaan sesuatu kajian.

Bab ini akan menerangkan metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Metodologinya dirancang secara terperinci supaya memperoleh maklumat yang lengkap dan sempurna berhubung dengan penggunaan pelbagai jenis ayat oleh GP PPISMP. Seterusnya maklumat-maklumat yang dikumpul ini akan dihuraikan secara mendalam dan terperinci oleh pengkaji.

Aspek-aspek yang dibincangkan dalam bab ini adalah rekabentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan persampelan kajian, sumber data, instrumen kajian, reka bentuk instrumen kajian dan tatacara pengumpulan data. Akhir sekali, pemprosesan dan penganalisan data akan dikemukakan.

3.2 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian menjadi panduan dalam sesuatu kajian untuk mendapat jawapan yang jelas bagi persoalan-persoalan kajian. Menurut Ananda Kumar (2009) hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan rekabentuk kajian. Menurut beliau lagi, satu kajian boleh menggunakan beberapa bentuk kajian yang berbeza. Creswell (2002) pula menyatakan bahawa terdapat 3 bentuk/kaedah kajian yang utama iaitu:

- i. Kuantitatif
- ii. Kualitatif
- iii. *Mixed Method Approaches* ataupun gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif.

Kaedah kuantitatif digunakan bagi menjelaskan kekerapan penggunaan 7 jenis ayat yang ditentukan oleh pengkaji dalam karangan responden. Selain daripada itu, pengetahuan responden tentang pelbagai jenis ayat turut dihitungkan secara kuantitatif.

Kaedah kualitatif digunakan untuk menerangkan tahap pengetahuan responden tentang pelbagai jenis ayat dalam BT. Selain daripada itu, kaedah ini juga digunakan untuk menghitung kualiti karangan responden, iaitu penggunaan 7 jenis ayat yang ditentukan oleh pengkaji dalam karangan responden.

Penerangan kaedah kualitatif dan kuantitatif ini pula berbentuk diskriptif dan inferensi. Data-data yang dikumpul merangkumi data variabel bersandar. Data-data yang dikumpul diuraikan secara diskriptif. Analisis diskriptif ini memberi gambaran umum tentang data yang dikumpul. Manakala statistik inferensi digunakan untuk

menerang data variabel bersandar. Ia membantu melihat perbezaan dan hubungan antara variabel bersandar.

3.3 Pengumpulan Data

Data kajian diperoleh melalui satu set soalan tentang pelbagai jenis ayat dalam BT. Di samping itu, dua buah karangan iaitu satu karangan jenis cereka dan satu lagi karangan jenis ucapan yang dihasilkan oleh responden menjadi sumber data kajian.

3.3.1 Instrumen Kajian

Satu ujian tentang jenis-jenis ayat dalam BT dijawab oleh responden. Ujian ini mengandungi 3 bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada 25 soalan objektif, bahagian kedua terdiri daripada 10 soalan struktur; manakala bahagian ketiga terdiri daripada satu petikan di mana responden perlu membaca dan memilih sebanyak 13 jenis ayat yang tepat daripada petikan tersebut dan menulisnya di ruang yang disediakan. (Lampiran D)

Selain daripada itu responden menulis dua buah karangan. Satu karangan jenis cereka dan satu lagi karangan jenis ucapan. Panjang karangan adalah tidak melebihi 250 patah perkataan. Bagi karangan jenis cereka pelajar akan menggunakan penutup yang diberi sebagai panduan dan menulis sebuah cerita (Lampiran E). Manakala bagi karangan jenis ucapan responden diberi sebuah tajuk, iaitu 'Peranan ibu bapa dalam pendidikan pelajar' (Lampiran F). Masa 1 jam diperuntukkan bagi mengarang setiap karangan.

3.3.2 Penyediaan Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji disediakan oleh pengkaji sendiri setelah berbincang dengan dua orang guru BT SPM. Penyediaannya adalah seperti berikut:

i. Soalan Ujian Pelbagai Jenis Ayat

Soalan-soalan ujian tentang jenis-jenis ayat dalam BT dirangka berpandukan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) (Lampiran G). JSU disediakan oleh pengkaji setelah berbincang dengan dua orang guru yang mempunyai pengalaman mengajar subjek BT SPM. JSU ini disediakan berpandukan jenis-jenis ayat yang terdapat dalam BT. Beberapa buah buku tatabahasa BT menjadi panduan penyediaan JSU. Antaranya adalah:

- i. buku teks tingkatan 4 dan 5
- ii. tamil moli ilakkaNa valikaTi (Sekolah Menengah)
- iii. aTippaTai tamil ilakkaNam
- iv. tamil moli ilakkaNappayirCi nu:l (Sekolah Menengah)
- v. idainilaippaLLi maNavargaLukka:na ilakkaNa ilakkiya payirCigaL
- vi. ilakkaNa vitigaLum payirCigaLum
- vii. nalla tamil eluta ve:Nduma?
- viii. tamil moli amaippiyal
- ix. anaivarukkum payan tarum aTippaTai tamil ilakkaNam (15 jenis ayat)

ii. Tajuk Karangan

Tajuk karangan dipilih dan diubahsuai dari 'SPM ter:rvu kalam' (contoh soalan karangan BT SPM). Tajuk karangan SPM menjadi bahan instrumen kerana responden adalah GP PPISMP yang baru berlepasan SPM. Jadi, tajuk karangan SPM adalah sesuai dan menepati perkara yang ingin dikaji oleh pengkaji, iaitu tahap kebolehan responden dalam penggunaan pelbagai jenis ayat dalam penulisan karangan. Jenis tajuk karangan yang dipilih adalah jenis cereka dan jenis ucapan.

Kesemua 100 buah karangan dan jawapan ujian pelbagai jenis ayat dianalisis dan diterangkan secara diskriptif dan inferensi dalam bab 4 dan 5.

3.3.3. Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Ujian rintis dijalankan untuk melihat kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Soalan-soalan ujian pelbagai jenis ayat dalam BT memerlukan ujian rintis. Pengkaji memberikan 1 set soalan kepada 30 responden sebagai sampel (GP PPISMPambilan Julai 2009) dari tiga buah IPG, iaitu IPG Kampus Sultan Abdul Halim, IPG Kampus Tuanku Bainun dan IPG Tengku Ampuan Afzan untuk memastikan kualiti soalan-soalan yang disediakan. Pengkaji memantapkan item soalan ujian bahagian C (petikan) dan peruntukan masa bagi ujian daripada maklum balas 30 sampel tadi. Dua lagi perenggan telah ditambah dalam petikan di bahagian C. Ini kerana petikan yang diberi tidak cukup panjang dan pilihan ayat daripada petikan adalah kurang. Selain daripada itu, peruntukkan masa disingkatkan kepada 2 jam sahaja.

3.4 Responden Kajian

Responden dalam kajian ini terdiri daripada GP Pengajian Tamil dari Kampus Raja Melewar. Mereka adalah GP PPISMPambilan Julai 2010. GP PPISMPambilan Julai 2010 adalah seramai 58 orang. 8 orang daripada mereka menghadiri kursus Bina Insan Guru (BIG) semasa pengkaji menjalankan kajian pertamanya, iaitu ujian pelbagai jenis ayat dalam BT pada 05.11.2010. Justeru itu, 50 orang GP PPISMPambilan Julai 2010 telah dipilih untuk kajian ini. Daripada jumlah tersebut, 15 orang adalah GP lelaki dan 35 orang adalah GP perempuan. GP PPISMP ini dipilih kerana mereka telah melalui proses pembelajaran yang sempurna sejak mula kursus PPISMP ini. Mereka juga dianggap menguasai dan mempunyai pengalaman dalam penulisan karangan BT sejak dari sekolah rendah lagi.

Kesemua responden dalam kajian ini berumur dalam lingkungan 20 tahun ke bawah. Mereka mengambil BT dalam peperiksaan SPM dan memperoleh sekurang-kurangnya gred A2. Dengan ini, mereka dianggap mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam kemahiran menulis. Kriteria ini sesuai bagi mereka dijadikan sebagai responden dalam kajian ini.

3.5 Prosedur Kajian

Pengkaji mendapat kelulusan tajuk dari Fakulti Linguistik dan Bahasa, Universiti Malaya dalam usaha menjalankan kajian. Setelah tajuk diluluskan, maka pengkaji mengumpul data kajian demi mendapat maklumat selanjut berkaitan dengan bidang kajian. Perbincangan kajian akan dibuat berdasarkan maklumat yang dikumpul.

Kajian ini bergantung kepada ujian pelbagai jenis ayat BT dan dua buah hasil karangan GP PPISMP. GP PPISMP Kampus Raja Melewar digunakan sebagai responden dalam kajian ini. Oleh yang demikian pengkaji meminta kebenaran dari pengurusan Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan, iaitu daripada pengarah Kampus Raja Melewar, Ketua Jabatan Bahasa dan Ketua Unit PT.

Ujian untuk menilai pengetahuan responden tentang jenis-jenis ayat BT diadakan pada 05.03.2011 Peruntukan masa adalah selama 2 jam.

Pengkaji memilih dua hari yang berlainan untuk ujian penulisan karangan. Pada 02.04.2011 responden menulis karangan jenis cereka dan pada minggu seterusnya bersamaan dengan 09.04.2011 responden menulis karangan jenis ucapan. Masa selama 1 jam diperuntukkan bagi setiap satu karangan.

3.6 Lokasi Kajian

Terdapat sebanyak 7 buah kampus IPG yang menawarkan kursus BT PPISMP di seluruh Malaysia. Semua kampus ini sesuai dipilih sebagai lokasi kajian. Namun demikian, Kampus Raja Melewar yang terletak di bandar Seremban, Negeri Sembilan dipilih sebagai lokasi kajian. Kampus ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan kampus-kampus lain. Ini termasuklah sukatan pelajaran BT, pengajaran dan pembelajaran formal dan pensyarah-pensyarah yang berpengalaman. Selain daripada itu, semua kursus PT sekolah rendah ditawarkan di kampus ini. Jumlah Guru pelatihnya cukup untuk kajian, iaitu lebih dari 50 orang dan dari pelbagai tempat di Semenanjung Malaysia.

Kampus ini juga selalu mengadakan pelbagai jenis aktiviti BT supaya mempertingkatkan tahap pengetahuan GP dalam BT. Ia juga pernah menganjurkan pertandingan perbahasan BT antara kampus-kampus IPG pada tahun 2004 (Lampiran H). Ciri-ciri dan keistimewaan yang dinyatakan ini memudahkan pengkaji melakukan kajian dan dapat memperoleh hasil kajian yang lebih sah.

3.7 Rujukan

Kajian ini adalah mengenai ayat-ayat BT. Kebanyakan buku mengenai ayat-ayat BT dikarang pada tahun 50-an hingga 70-an. Di samping itu, bahan-bahan rujukan sebelum tahun 2000 juga terpaksa digunakan kerana ia mempunyai maklumat-maklumat yang sangat diperlukan untuk kajian ini. Dengan itu, satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada bahan rujukan iaitu lebih kurang 33% bahan rujukan kajian ini adalah terbitan sebelum tahun 2000.

3.8 Penganalisan Data

Data-data yang dikumpul dimasukkan dalam perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 17.0 untuk diproses. Seterusnya data-data ini ditafsir secara kualitatif dan kuantitatif dalam bentuk diskriptif dan inferensi. Penganalisan ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- i. analisis data ujian pelbagai jenis ayat dalam BT
- ii. analisis data penggunaan pelbagai jenis ayat dalam ujian karangan
- iii. analisis data gred ujian karangan

Pada peringkat awal, pengkaji menganalisis data set ujian pelbagai jenis ayat dalam BT yang dijawab oleh responden. Dengan ini, tahap pengetahuan responden tentang pelbagai jenis ayat dalam BT dapat diperoleh.

Seterusnya, pengkaji menganalisis dua buah karangan yang dikarang oleh responden serta mengkategorikan ayat-ayat yang digunakan oleh mereka dalam karangan-karangan tersebut. Dengan ini, pengkaji dapat mengenal pasti jenis-jenis ayat yang digunakan oleh responden dalam karangan.


Selain itu, pengkaji juga menilai karangan responden mengikut gred. Penilaian ini dibuat berdasarkan panduan penilaian kertas penulisan BT SPM dari Daerah Seremban (Lampiran I). Oleh kerana panduan ini dibentuk berlandaskan panduan penilaian LPM maka kebolehpercayaannya adalah tinggi. Dengan itu, panduan penilaian ini digunakan untuk memberi gred bagi karangan responden. Di samping itu, pengkaji juga berbincang dengan dua orang guru yang mempunyai pengalaman memeriksa kertas penulisan BT SPM dalam pemberian gred untuk karangan

responden. Setelah memperoleh gred karangan, maka pengkaji melihat korelasi antara penggunaan pelbagai jenis ayat dengan gred karangan yang diperoleh.

3.8.1 Kerangka Pengkategorian Ayat

Data dianalisis berdasarkan pada pengkategorian ayat BT yang dikemukakan oleh Nukhman (2007) dan Parantamanar (1992). Terdapat 2 kategori ayat yang utama dinyatakan oleh mereka, iaitu Bahagian Maksud dan Bahagian Struktur. (Rujuk m.s 41 dalam Bab 2). Selain daripada itu, terdapat juga ayat-ayat yang diklasifikasikan dari sudut pragmatik. (Rujuk m.s 60 dalam Bab 2).

Pengkategorian analisis kajian ini berdasarkan 7 jenis ayat yang terpilih daripada Bahagian Maksud, Bahagian Struktur dan Bahagian ayat-ayat yang diklasifikasikan dari sudut pragmatik. Ayat-ayat yang terpilih ini berdasarkan jenis karangan yang dikarang oleh responden. Misalnya, karangan jenis ucapan memerlukan ayat tanya dan ayat seruanan; manakala karangan jenis cereka memerlukan ayat cakap ajuk dan cakap pindah. Selain daripada itu, 3 jenis ayat dalam Bahagian Struktur biasa digunakan dalam semua jenis karangan. Dengan itu, Ayat Tunggal, ayat kompaun, ayat kompleks, ayat tanya, ayat seruanan serta ayat cakap ajuk dan cakap pindah menjadi bahan analisis dalam kajian ini. Kerangka Pengkategorian ayat dilihat dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1: Kerangka Pengkategorian

3.9 Kesimpulan

Huraian di atas menerangkan cara-cara data kajian dikumpul serta bagaimana data tersebut dianalisis. Selanjutnya, bab empat akan membincangkan penganalisan data dan dapatan kajian yang diperoleh secara terperinci.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian dijalankan bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan dan kualiti penulisan karangan BT dengan menggunakan pelbagai jenis ayat Bahasa Tamil dalam kalangan Guru Pelatih PPISMP. Kajian ini juga memberi fokus terhadap tahap pengetahuan tentang pelbagai jenis ayat dalam BT, kualiti penulisan karangan dan jenis-jenis ayat yang kerap digunakan dalam karangan Bahasa Tamil. Data-data yang diperoleh bagi bahagian ini akan dibincangkan secara diskriptif berdasarkan jadual.

Melalui kajian ini juga ujian inferensi dijalankan untuk mengetahui korelasi antara pengetahuan dengan kualiti penulisan karangan Bahasa Tamil. Ujian inferensi juga dijalankan bagi mengetahui korelasi antara penggunaan jumlah pelbagai jenis ayat dengan kualiti penulisan karangan Bahasa Tamil. Ujian *Pearson Corelation* (r) dijalankan menggunakan perisian SPSS 17.0 bagi mengetahui korelasi.

Bahagian pertama membincangkan tahap pengetahuan melalui markah yang diperoleh terhadap ujian pengetahuan pelbagai jenis ayat dalam BT yang dikendalikan oleh pengkaji. Ujian ini melibatkan soalan-soalan objektif dan soalan-soalan berbentuk struktur yang mengandungi pelbagai jenis ayat dalam Bahasa Tamil. Dalam bahagian jumlah responden yang mendapat betul dan salah mengikut setiap soalan akan memberi huraian secara diskriptif tentang pengetahuan responden. Selain itu, responden yang mendapat markah dengan gred tertinggi dan terendah serta tahap pengetahuan mengenai jenis-jenis ayat juga dibincangkan. Perbincangan dalam bahagian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif secara diskriptif.

Bahagian kedua membincangkan kualiti penulisan karangan melalui penggunaan pelbagai jenis ayat dalam penulisan karangan Bahasa Tamil. Analisis ini dibuat melalui karangan jenis ucapan dan cereka yang dikarang oleh responden. Jumlah jenis ayat yang digunakan, jumlah ayat, markah dengan gred yang diperoleh serta peratus penggunaan jenis-jenis ayat akan dibincangkan. Perbincangan dalam bahagian ini adalah berbentuk kuantitatif dan kualitatif secara diskriptif.

Bahagian ketiga dalam bab ini membincangkan ujian perhubungan, iaitu korelasi antara pengetahuan dengan kualiti penulisan karangan BT, dan korelasi antara penggunaan jumlah pelbagai jenis ayat dengan kualiti penulisan karangan BT. Ujian ini akan diterangkan dalam bentuk jadual dan dihuraikan secara inferensi.

4.2 Analisis Tahap Pengetahuan Responden Tentang Pelbagai Jenis Ayat Bagi Soalan Objektif

Jawapan ujian bagi 25 soalan objektif dianalisis dan ditunjukkan secara jadual dan dihuraikan. Setiap soalan yang dijawab akan di analisis dan dinyatakan bilangan responden yang dapat menjawabnya dengan betul serta peratusnya dan bilangan responden yang tidak dapat menjawabnya dengan betul serta peratusnya.

Jadual 4.1
Soalan Objektif 1: Unsur-unsur Ayat

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	33	66.0 %
Salah	17	34.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.1 menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab soalan objektif berkaitan Unsur-unsur Ayat dengan betul dan salah. Seramai 33 (66%) responden dapat menjawab soalan pertama dengan betul. Manakala 17 (34%) responden tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul.

Jadual 4.2
Soalan Objektif 2: Ayat Penyata

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	47	94.0 %
Salah	03	6.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.2 menunjukkan hampir semua responden dapat menjawab soalan objektif kedua iaitu soalan tentang Ayat Penyata dengan betul. Seramai 47 (94%) responden dapat menjawab soalan ini dengan betul. Hanya 3 (6%) responden tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.3
Soalan Objektif 3: Ayat Kehendak

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	17	34.0 %
Salah	33	66.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.4 menunjukkan lebih separuh daripada responden tidak dapat menjawab soalan objektif ketiga, iaitu soalan tentang Ayat Kehendak dengan betul. Seramai 33 (66%) responden menjawab soalan ini dengan salah. 17 (34%) responden dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.4
Soalan Objektif 4: Ayat Tanya

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	48	96.0 %
Salah	02	4.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.4 menunjukkan hampir semua responden dapat menjawab soalan objektif keempat tentang Ayat Tanya dengan betul. Cuma 2 (4%) responden sahaja gagal menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.5
Soalan Objektif 5: Ayat Kehendak

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	38	76.0 %
Salah	12	24.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.5 menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab soalan objektif kelima tentang Ayat Kehendak dengan betul dan salah. Seramai 38 orang, iaitu 76% responden dapat menjawab soalan ini dengan betul. Manakala 12 orang, iaitu 24% responden tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.6
Soalan Objektif 6: Ayat Kehendak

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	33	66.0 %
Salah	17	34.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.6 menunjukkan seramai 33 (66%) orang responden dapat menjawab soalan objektif keenam tentang Ayat Kehendak dengan betul. Manakala 17 (34%) responden tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.7
Soalan Objektif 7: Ayat Seruan

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	36	72.0 %
Salah	14	28.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.7 menunjukkan ramai responden dapat menjawab soalan objektif ketujuh tentang Ayat Seruan dengan betul. Seramai 36 (72%) responden dapat menjawab soalan ini dengan betul. Manakala 14 (28%) responden tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.8
Soalan Objektif 8: Ayat Seruan

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	49	98.0 %
Salah	01	2.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.6 menunjukkan 49 (98%) responden dapat menjawab soalan objektif kelapan tentang Ayat Seruan dengan betul. Seorang responden sahaja tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.9
Soalan Objektif 9: Ayat Seruanan

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	25	50.0 %
Salah	25	50.0 %
Jumlah	50	100 %

Berdasarkan jadual 4.9 separuh daripada responden, iaitu 25 (50%) responden dapat menjawab soalan tentang Ayat Seruanan ini dengan betul. 25 (50%) responden lagi menjawabnya dengan salah.

Jadual 4.10
Soalan Objektif 10: Ayat Kompaun

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	35	70.0 %
Salah	15	30.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.10 menunjukkan 70% responden, iaitu seramai 35 orang dapat menjawab soalan objektif kesepuluh tentang Ayat Kompaun dengan betul. Manakala 15 orang responden lagi, iaitu 30% daripada mereka menjawabnya dengan salah.

Jadual 4.11
Soalan Objektif 11: Ayat Tunggal

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	07	14.0 %
Salah	43	86.0 %
Jumlah	50	100 %

Berdasarkan jadual 4.11 ramai responden tidak dapat menjawab soalan objektif ini berkaitan Ayat Tunggal dengan betul. Hanya 7 (14%) responden dapat menjawabnya dengan betul. 43 (86%) responden tidak dapat menjawabnya dengan betul. Ramai daripada mereka memilih jawapan C dan D.

Jadual 4.12
Soalan Objektif 12: Ayat Kompaun

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	26	52.0 %
Salah	24	48.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.12 menunjukkan hampir separuh daripada responden, iaitu 26 (52 %) responden telah menjawab soalan objektif berkaitan Ayat Kompaun dengan betul. 24 (48 %) responden tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.13
Soalan Objektif 13: Ayat Kompleks

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	36	72.0 %
Salah	14	28.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.13 menunjukkan 36 orang responden, iaitu 72% daripada mereka menjawab soalan berkaitan Ayat Kompleks dengan betul. 28% responden, iaitu seramai 14 orang tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.14
Soalan Objektif 14: Ayat Kompaun

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	30	60.0 %
Salah	20	40.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.14 menunjukkan bilangan dan peratus responden yang dapat menjawab soalan berkenaan Ayat Kompaun ini dengan betul, iaitu 60% daripada mereka menjawabnya dengan betul. Manakala 20 (40%) responden menjawabnya dengan salah.

Jadual 4.15
Soalan Objektif 15: Ayat Kompleks

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	30	60.0 %
Salah	20	40.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.15 menunjukkan soalan kelima belas tentang Ayat Kompleks. Jumlah responden yang menjawab soalan ini dengan betul adalah 30 (60%) orang dan mereka yang menjawabnya dengan salah adalah seramai 20 (40%) orang.

Jadual 4.16
Soalan Objektif 16: Ayat Pasif

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	47	94.0 %
Salah	03	6.0 %
Jumlah	50	100 %

Berdasarkan jadual 4.16 ramai responden dapat menjawab soalan objektif tentang Ayat Pasif dengan betul. Seramai 47 (94%) responden dapat menjawab soalan ini dengan betul. 3 daripada mereka, iaitu 6% responden menjawab soalan ini dengan salah.

Jadual 4.17
Soalan Objektif 17: Ayat Aktif

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	46	92.0 %
Salah	4	8.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.11 menunjukkan 46 (92%) responden menjawab soalan ke-17 dengan betul. 8% daripada mereka iaitu seramai 4 orang responden daripada mereka tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.18
Soalan Objektif 18: Ayat Cakap Ajuk

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	33	66.0 %
Salah	17	34.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.18 adalah mengenai soalan Ayat Cakap Ajuk. Jadual ini menunjukkan 33 (66%) responden menjawab soalan objektif ke-18 dengan betul. Seramai 17 (34%) responden gagal menjawab soalan ini.

Jadual 4.19
Soalan Objektif 19: Ayat Cakap Pindah

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	42	84.0 %
Salah	08	16.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.11 menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab soalan tentang Ayat Cakap Pindah dengan betul dan salah. Mereka yang menjawabnya dengan betul adalah 42 orang, iaitu 84%. Manakala 8 orang responden iaitu 16% gagal menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.20
Soalan Objektif 20: Ayat positif

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	45	90.0 %
Salah	05	10.0 %
Jumlah	50	100 %

Berdasarkan jadual 4.20 seramai 45 (90%) responden dapat menjawab soalan objektif tentang Ayat Positif dengan betul. Manakala 5 (10%) responden tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.21
Soalan Objektif 21: Ayat Negatif (Nafi)

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	42	84.0 %
Salah	8	16.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.21 menunjukkan 42 (84%) responden dapat menjawab soalan objektif ke-21 berkenaan Ayat Negatif dengan betul. Seramai 8 (6%) responden daripada mereka menjawabnya dengan salah.

Jadual 4.22
Soalan Objektif 22: Ayat Intransitif

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	33	66.0 %
Salah	17	34.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.22 menunjukkan 66% responden, iaitu seramai 33 orang dapat menjawab soalan objektif ke-22 tentang Ayat Intransitif dengan betul. Manakala 17 responden, iaitu 34% menjawab soalan ini dengan salah.

Jadual 4.23
Soalan Objektif 23: Ayat Transitif

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	37	74.0 %
Salah	13	26.0 %
Jumlah	50	100 %

Berdasarkan jadual 4.23, 74% responden, iaitu seramai 37 orang dapat menjawab soalan objektif tentang Ayat Transitif dengan betul. Manakala 13 responden lagi, iaitu 26% daripada mereka tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.24
Soalan Objektif 24 : Ayat Perlakuan Ganti Diri Pertama (Tanvinai)

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	23	46.0 %
Salah	27	54.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.24 menunjukkan lebih separuh daripada responden menjawab soalan objektif ke-24 dengan salah. Soalannya adalah berkenaan Ayat Perlakuan Ganti Diri Pertama. Seramai 27 orang responden (54%) gagal menjawab soalan ini. Kebanyakan daripada mereka memilih jawapan A. Manakala 46% responden, iaitu 23 orang daripada mereka menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.25
Soalan Objektif 25: Ayat Perlakuan Am (Piravinai)

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	38	76.0 %
Salah	12	24.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.25 menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab soalan objektif ke-25. Mereka yang menjawabnya dengan betul adalah 38 (76%) responden. Manakala 12 orang iaitu 24% responden gagal menjawab soalan ini.

4.3 Analisis Tahap Pengetahuan Responden Tentang Pelbagai Jenis Ayat Bagi Soalan Struktur

Kefahaman tentang ayat dalam kalangan GP juga diuji melalui soalan-soalan struktur. Jawapan ujian dalam bahagian B iaitu sebanyak 25 soalan struktur dengan soalan gabungan (setiap bahagian dalam soalan 2, 3, 4, 5 dan 6 dikira sebagai satu soalan kerana analisis mudah dapat dilakukan) dianalisis. Jawapan bagi 13 soalan di bahagian C juga turut dianalisis. Hasil analisis Bahagian B dan C ditunjukkan secara jadual dan dihuraikan. Setiap jawapan yang dianalisis dinyatakan bilangan responden yang dapat menjawabnya dengan betul serta peratusnya dan bilangan responden yang tidak dapat menjawabnya dengan betul serta peratusnya.

Jadual 4.26
Soalan Struktur 1: Unsur-unsur Ayat

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	26	52.0 %
Salah	24	48.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.26 menunjukkan bilangan dan peratus responden yang menjawab soalan struktur pertama tentang Unsur-unsur Ayat dengan betul dan salah. 26 orang, iaitu 52% responden dapat menjawab soalan ini dengan betul. Manakala 24 orang, iaitu 48% responden tidak dapat menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.27
Soalan Struktur 2(a): Ayat Penyata

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	31	62.0 %
Salah	19	38.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.27 menunjukkan lebih separuh daripada responden dapat menjawab soalan struktur 2(i) berkenaan Ayat Penyata dengan betul, iaitu seramai 31 orang responden (62%) dapat menjawab soalan ini dengan betul. Manakala 19 orang responden (38%) gagal menjawabnya dengan betul.

Jadual 4.28
Soalan Struktur 2(b): Ayat Penyata

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	35	70.0 %
Salah	15	30.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.28 menunjukkan seramai 35, iaitu 70% responden dapat menjawab soalan struktur 2(ii) berkaitan Ayat Penyata dengan betul. Manakala 15 ataupun 30% responden gagal menjawab soalan ini dengan betul.

Jadual 4.29
Soalan Struktur 2(c): Ayat Penyata

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	31	62.0 %
Salah	19	38.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.29 menunjukkan 31 orang, iaitu 62% responden menjawab soalan struktur 2(iii) mengenai Ayat Penyata dengan betul. 38% responden, iaitu seramai 19 orang daripada mereka menjawabnya dengan salah.

Jadual 4.30
Soalan Struktur 2(d): Ayat Penyata

Jawapan	Bilangan	Peratus
Betul	36	72.0 %
Salah	14	28.0 %
Jumlah	50	100 %

Jadual 4.30 menunjukkan 36 orang, iaitu 72% responden menjawab soalan struktur 2(iv) mengenai Ayat Penyata dengan betul. Manakala 28% daripada mereka, iaitu 14 orang responden gagal menjawab soalan ini.

Jadual 4.31
Soalan Struktur 2(e): Ayat Penyata

Jawapan	Bilangan	Peratus
Bentuk ayat kompleks yang digunakan oleh responden dalam karangan mereka tidak dipelbagaikan. Misalnya *etirmaRai nibantanai eccat todar* ($\pm\frac{3}{4}\Phi\div\acute{A}^{\circ}\grave{E} \quad \zeta\Phi\grave{A}\acute{O}\frac{3}{4}^{\circ}\acute{E} \quad \pm\hat{1}^{\circ}\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$), *ceita:l eccat todar* ($|\acute{O}\grave{O}\frac{3}{4}|\emptyset \quad \pm\hat{1}^{\circ}\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$), *iNai nikalvut todar* ($\text{p}^{\circ}\frac{1}{2} \quad \zeta\Phi, \acute{u}\times\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$), *eccat toTar* ($\pm\hat{1}^{\circ}\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$) dan sebagainya seperti mana diterangkan dalam Bab 2 bahagian Ayat Kompleks (m.s. 55). Antara bentuk ayat kompleks yang kerap digunakan oleh responden adalah *eccat todar* ($\pm\hat{1}^{\circ}\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$) dan *nirappit todar* ($\zeta\Phi\grave{A}\acute{O}\grave{A}\Phi\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$). Hal ini dapat dilihat dari beberapa contoh ayat dari karangan responden seperti berikut:

***eccat todar* ($\pm\hat{1}^{\circ}\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$):**

$\zeta\emptyset\grave{A} \quad \grave{A}\acute{A}^{\circ}\acute{E} \quad ^2\acute{y} \quad \grave{A}\Phi\frac{1}{4} \quad \S\grave{A}\grave{n}\hat{I}\grave{O} \quad \pm\acute{y}\acute{U} \quad \pm\grave{n}\frac{1}{2}\Phi\acute{E}|\div \quad \ll\acute{O}\grave{A}|\quad$
nalla varanai e:n viTa ve:NDum enRu eNNina:r appa:

$\acute{O} \quad \grave{A}\Phi\hat{U}^{\circ}\grave{C} \quad \acute{A}\acute{E}\grave{O}\hat{E}\emptyset \quad \grave{A}\hat{E}\grave{I}, \quad \Phi\grave{E}\frac{3}{4}|\quad \text{p}\emptyset^{\circ}\acute{A}\hat{A}|\quad \pm\acute{y}\acute{U} \quad \neg\acute{U}\frac{3}{4}\Phi \quad \grave{A}\hat{I}\grave{O}\grave{D}\acute{A}\grave{D} \quad |\grave{A}\hat{U}\S\grave{E}|\div, \quad \Phi\Phi\acute{y} \quad , \quad \frac{1}{4}^{\circ}\acute{A}.$
oru piLLai vi:TTil paTikkirata: illaiya: enRu uRuti paTuttuvatu peRRo:rgalin kadamai.

***nirappi todar* ($\zeta\Phi\grave{A}\acute{O}\grave{A}\Phi\grave{O} \quad |\frac{3}{4}|\frac{1}{4}\div$):**

$\ll\grave{n}\frac{1}{2}\acute{y} \quad \grave{A}\hat{E}\acute{O}\grave{A}\Phi\emptyset \quad , \quad \grave{A}\hat{E}\acute{O} \quad |\acute{O}\grave{O}\frac{3}{4}|\acute{A}\emptyset \quad \ll\hat{I}\hat{I}\grave{O} \quad \text{p}\hat{I}\hat{I}\grave{O} \quad ^{\circ}\div \quad \acute{I}\hat{U}\grave{E}\Phi\grave{O} \quad \frac{3}{4}\Phi\grave{A}\Phi\acute{O}\frac{3}{4}|\acute{y}.$

aNNan paTippil kavanam celutta:mal ańggum íńggum u:r suRRit tirinta:n.

$|\grave{A}\hat{U}\S\grave{E}|\div, \quad \hat{U} \quad \hat{I}\acute{A}\acute{O}^{\circ}\frac{3}{4}, \quad \Phi\Phi\acute{y} \quad \acute{A}|\acute{U}\hat{I}^{\circ}, \quad \hat{A}\Phi\emptyset \quad , \quad \emptyset\acute{A}\Phi \quad \acute{C}\Phi \quad ^2\grave{U}\grave{E}\Phi \quad ^{\circ}\hat{A}\hat{I}\hat{I}\grave{O} \quad \acute{O}\frac{3}{4}\emptyset \quad \neg^{\circ}\Phi\grave{A}\Phi\hat{A}\div, \quad \Phi|\quad , \quad \grave{O} \quad \frac{3}{4}\Phi, \quad \acute{U}, \quad \Phi\grave{E}|\div, \quad \hat{U}.$

peTRRo:rgal kuzhantaigaLin va:lkkaiyil kalvi oLi e:RRi vaikkum mutal a:siriyargaLa:ga tikalkiRa:rkal.

Bentuk-bentuk ayat kompleks yang lain sangat kurang digunakan oleh responden dalam karangan mereka.

Bagi ayat tunggal pula, didapati responden tidak begitu menghadapi masalah dalam pembinaannya. Ayat-ayat tunggal yang dibina oleh mereka tidak mempunyai banyak kesalahan tatabahasa. Akan tetapi, bentuk ayat tunggal yang dibina oleh mereka tidak dipelbagaikan. Bentuk ayat tunggal ‘peyar payanilai koNDa va:kiyańgaL’ (|ÀÂ÷ ÀÂÉ¢¨Ä |, iñ¼ Å i ì, ¢Âî, û) banyak digunakan oleh mereka. Beberapa contoh ayat jenis ini dari karangan responden adalah seperti berikut:

±ý |ÀÂ÷ Ì, ý.
 en peyar Kugan.
 «Ð ÓüÈ¢Öö ¾ÅÚ.
 atu muRRilum tavaRu.

Penggunaan bentuk ayat tunggal seperti ini banyak terdapat dalam karangan responden.

Ayat kompaun pula tidak banyak digunakan oleh responden dalam karangan mereka. Dalam karangan jenis ucapan purata penggunaan ayat ini adalah 11.42 % dan dalam karangan jenis cereka purata penggunaannya adalah 6.06 %. Sementara itu mekanik penulisan tidak ditangani dengan betul dalam ayat-ayat kompaun ini. Contoh mekanik penulisan adalah tanda baca, tanda pembuka kata dan penutup kata, ejaan, dan sebagainya. Di samping itu, ayat kompaun ini juga tidak dihubungkan dengan kata hubung yang sesuai. Kesalahan-kesalahan yang ketara ini mencacatkan kelancaran pengaliran idea dalam karangan responden. Beberapa contoh kesalahan dalam ayat kompaun adalah seperti berikut:

i. Tiada Tanda Baca:

ÀðÐð ¾¢í, û ÍÁÓÐ ÄÄ SÄ¾¨É, ¨Çð ¾ i í, ¢ À¢û¨Ç¨Âô
 |Àü|ÈÎôÄÄû ¾ i ö.

pattut tiŋggaL sumantu pala ve:tanaigaLai ta:ŋggi piLLaiyaip
peRReTuppavaL ta:y.

Ayat kompaun ini memerlukan tanda koma bertitik (;) seperti berikut:

ÀòÐò ¼í, ù ÍÁÓÐ; ÀÄ ŠÄ¼"É, "Çò ¼í, Ç; ÀÇÛ"Ç"Âô
|Àü|ÈÎôÄÛ ¼ö.

pattut tiŋggaL sumantu; pala ve:tanaigaLai ta:ŋggi piLLaiyaip
peRReTuppavaL ta:y.

ii. Penggunaan Tanda Baca yang Salah:

±ý |Àü\$È|÷, ÇÇý ÄÜÖÜò¼Ä;Öö, ŠÄÚ ÄÆÇ þøÄ;ÁÖö «ó¼î
°ÄÄ ÄÎôÄÇÛÎÎ |°ý\$Èý.

en peRRO:rkalin vaRpuRuttala:lum, ve:Ru vazhi illa:malum antac
camaya vaguppiRkuc cenRen.

Ayat ini tidak perlu tanda koma (,). Ini adalah kerana dalam BT apabila dua ayat
tunggal dihubung dengan kata sendi 'um' (¯ö), maka ia tidak memerlukan tanda
koma.

iii. Penggunaan Kata Hubung yang Salah:

ÀÛÇÇÄÇø, øÄÇ Š, ÛÄÇ, ÇÇÖö ŠÄ;ðÊ ÄÇ"ÇÄ;ðÎ, ÇÇø
°ÇÊÓÐ ÄÇí, Ç\$Èý.

paLLiyil kalvi ke:LvigaLilum po:tti viLaiya:TTukaLil ciRantu
viLaŋggine:n.

Dalam ayat ini kata hubung 'um' (¯ö) tidak digunakan dengan betul. Penggunaan
kata hubung 'um' (¯ö) yang betul adalah seperti berikut:

ÀÛÇÇÄÇø, øÄÇ Š, ÛÄÇ, ÇÇÖö ŠÄ;ðÊ ÄÇ"ÇÄ;ðÎ, ÇÇÖö
°ÇÊÓÐ ÄÇí, Ç\$Èý.

paLLiyil kalvi ke:LvigaLilum po:tti viLaiya:TTukaLilum ciRantu
viLaŋggine:n.

Kesalahan-kesalahan sedemikian menyebabkan berlakunya kesalahan struktur ayat dalam karangan responden. Jadi ia mengganggu kelancaran membaca.

Ayat Tanya yang dihasilkan oleh responden juga tidak berkualiti. Mereka cuma menggunakan bentuk ayat Tanya ‘akavina:’ («, Å¢É i), iaitu ayat tanya yang menggunakan kata tanya seperti apa, kenapa, bagaimana, mana, bila, berapa, mengapa dan siapa. Tiada responden yang menggunakan ayat Tanya ‘puravina:’ (ÒÈÅ¢É i) yang menggunakan partikel seperti ‘¬ (a:)’ dan ‘µ (o:)’.

Penggunaan ayat seruanan, ayat cakap pindah dan ayat cakap ajuk tidak memuaskan. Walaupun ayat cakap ajuk dan cakap pindah tidak sangat perlu untuk karangan jenis ucapan, namun ia diperlukan untuk karangan jenis cereka. Akan tetapi, penggunaannya dalam karangan jenis cereka cuma 4.5% bagi ayat cakap ajuk dan 1.1% bagi ayat cakap pindah. Ayat cakap ajuk yang dibina oleh resoponden juga tidak ditanda dengan tanda baca yang betul, iaitu tanda petik (pembuka kata dan penutup kata), koma dan tanda noktah tidak digunakan dengan tepat. Misalnya:

pôÀ i ç i ý ±ýÉ | ° i øÄ£ð§¼ýÛ ç£ pôÀÊ §, i ÅôÀðÎ
° i ôÀ¢¼ i Áø ±øóÐ §À i È ±ýÚ §À ° ¢ ÓÊôÀ¼üÎû....

ippa: na:n enna colli:tte:nnu ni: ippaTi ko:vappaTTu ca:ppiTa:mal
eluntu po:Ra enRu pe:si muTippataRkuL.....

Ayat cakap ajuk ini sepatutnya ditulis dengan tanda baca yang betul. Cara penulisannya yang betul adalah seperti berikut:

“pôÀ ç i ±ýÉ | ° i øÄ¢ð§¼ýÛ ç£ pôÀÊ §, i ÅôÀðÎÎ
° i ôÀ¢¼ i Á ±øóÐ §À i È, ” ±ýÚ §À ° ¢ ÓÊôÀ¼üÎû....

“ippa na:n enna colli:tte:nnu ni: ippaTi ko:vappaTTuc ca:ppiTa:mal
eluntu po:Ra,” enRu pe:si muTippataRkuL.....

Kesalahan seperti ini mencacatkan bentuk ayat cakap ajuk. Dua atau tiga ayat yang ditulis tanpa tanda baca kelihatan seperti satu ayat yang panjang dan maksudnya tidak jelas. Akibatnya kelancaran membaca terganggu.

Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di atas menyebabkan isi karangan menjadi kabur, ayat-ayatnya membawa maksud yang salah dan tidak jelas serta melemahkan semangat membaca.

4.7 Analisis Korelasi

Bahagian ini membuat analisis tentang:

- i. korelasi antara penggunaan pelbagai jenis ayat dengan gred karangan.
- ii. Korelasi antara pengetahuan dengan penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan.

4.7.1 Korelasi Antara Penggunaan Pelbagai Jenis Ayat Dengan Gred Karangan.

Korelasi antara penggunaan pelbagai jenis ayat dengan dua buah karangan dilihat secara berasingan. Di samping itu, 'Taburan Scatter Plot' juga turut dibuat bagi menunjukkan pencapaian markah dengan penggunaan jumlah jenis ayat dalam karangan.


Jadual 4.73
Ujian Pearson Correlation Antara Penggunaan Jumlah Jenis Ayat
Dengan Markah Bagi Karangan Jenis Ucapan

<i>Pearson Correlation</i> (N=50)	Jumlah Jenis Ayat	Markah	Perhubungan
Min	4.26	46.70	
Sisihan Piawai	0.750	8.256	

<i>Pearson Correlation – r</i>	0.382**
<i>Sig.(2-penghujung)</i>	0.006

****.** Korelasi adalah signifikan di tahap 0.01(2-penghujung)

Jadual 4.73 menunjukkan ujian *Pearson Correlation* antara penggunaan jumlah jenis ayat dengan markah bagi karangan jenis ucapan. Ujian menunjukkan terdapat nilai signifikan $r(50) = 0.382$, $p < 0.01$. Maka terdapat perhubungan secara signifikan antara penggunaan jumlah jenis ayat dengan markah bagi karangan jenis ucapan. Carta 4.1 taburan *Scatter Plot* berikut dapat menggambarkan pencapaian yang menghalu dari bahagian bawah ke atas.




Carta 4.1: Taburan Scatter Plot Bagi Pencapaian Markah Karangan Jenis Ucapan
Jadual 4.74
Ujian Pearson Correlation Antara Penggunaan Jumlah Jenis Ayat Dengan Markah Bagi Karangan Jenis Cereka

<i>Pearson Correlation</i> (N=50)	Jumlah Jenis Ayat	Markah	Perhubungan
Min	4.32	38.10	

Sisihan Piawai	0.978	7.057	
Pearson Correlation – r			0.545**
Sig.(2-penghujung)			0.000

***. Korelasi adalah signifikan di tahap 0.01(2-penghujung)*

Jadual 4.74 menunjukkan ujian *Pearson Correlation* antara penggunaan jumlah jenis ayat dengan markah bagi karangan jenis cereka. Ujian menunjukkan terdapat nilai signifikan $r(50) = 0.545$, $p < 0.01$. Maka terdapat perhubungan secara signifikan antara penggunaan jumlah jenis ayat dengan markah bagi karangan jenis cereka. Carta 4.2 taburan *Scatter Plot* berikut dapat menggambarkan pencapaian yang menghalu dari kiri bahagian bawah ke kanan bahagian atas.



Carta 4.2: Taburan Scatter Plot Bagi Pencapaian Markah Karangan Jenis Cereka

4.7.2 Korelasi Antara Pengetahuan Dengan Penggunaan Pelbagai Jenis Ayat dalam Karangan.

Korelasi antara pengetahuan pelbagai jenis ayat dengan penggunaannya dalam karangan dilihat dalam satu '*Ujian Pearson Correlation*'. Dapatan ujiannya adalah seperti dalam jadual 4.75.

Jadual 4.75
Ujian Pearson Correlation Antara Pengetahuan dengan
Penggunaan Pelbagai Jenis Ayat Dalam Karangan

<i>Pearson Correlation</i> (N=50)	Pengetahuan	Penggunaan	Perhubungan
Min	65.80	10.833	
Sisihan Piawai	60.57	8.704	
<i>Pearson Correlation – r</i>			0.156
Sig.(2-penghujung)			0.279

****.** Korelasi adalah signifikan di tahap 0.01(2-penghujung)

Jadual 4.75, menunjukkan ujian *Pearson Correlation* antara pengetahuan dengan jumlah jenis ayat dengan penggunaan dalam karangan. Ujian menunjukkan tidak terdapat nilai signifikan $r(50) = 0.156$, $p > 0.01$. Maka tidak terdapat perhubungan secara signifikan antara pengetahuan tentang jenis ayat dengan penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan.

4.8 Rumusan

Data-data yang dianalisis memberi penjelasan kepada persoalan kajian. Analisis secara statistik diskriptif dan statistik inferensi terhadap pembolehubah bersandar membantu melihat keputusan bagi kajian ini. Dapatan kajian ini dapat membantu pengkaji untuk membuat tafsiran terhadap penggunaan ayat dalam karangan BT dalam kalangan GP PPISMP.

BAB 5

PERBINCANGAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan analisis data yang terkumpul secara terperinci berdasarkan objektif kajian. Persepsi terhadap pengetahuan responden tentang pelbagai jenis ayat dan penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan jenis ucapan dan cereka serta korelasi antara markah karangan dengan penggunaan pelbagai jenis ayat dan pengetahuan pelbagai jenis ayat dibincangkan secara terperinci. Selanjutnya dapatan kajian juga dibincangkan secara lebih mendalam berserta dengan implikasi kajian. Lanjutan daripada kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan dan diakhiri dengan rumusan keseluruhan untuk laporan kajian ini.

5.2 Perbincangan Kajian

Menurut kepentingan penghasilan karangan yang berkualiti, salah satu aspek yang menjadi tumpuan kajian adalah penggunaan pelbagai jenis ayat. Ini kerana penggunaan pelbagai jenis ayat membantu menghasilkan karangan yang berkualiti (Parantamanar, 1998). Di samping itu, pengetahuan responden tentang pelbagai jenis ayat dalam BT juga turut diuji. Tujuannya adalah untuk memastikan pemahaman GP akan pelbagai jenis ayat BT. Berdasarkan kajian ini beberapa perkara dikenal pasti.

5.2.1 Pengetahuan Tentang Pelbagai Jenis Ayat BT

Beberapa kesimpulan diberikan berpandukan analisis jawapan ujian 'Pelbagai Jenis Ayat BT'. Menurut analisis ini, didapati hampir semua responden dapat menjawab soalan berkenaan ayat tanya dengan betul. Manakala pengetahuan responden berkenaan dengan ayat penyata, ayat seruanan, ayat positif, ayat aktif, ayat transitif, ayat pasif, ayat nafi dan ayat perlakuan am secara amnya adalah baik.

Jawapan responden bagi soalan-soalan berkenaan ayat tunggal, ayat perintah, ayat kompaun, ayat cakap ajuk, ayat cakap pindah, ayat intransitif menunjukkan responden kurang memahami jenis-jenis ayat ini. Manakala jawapan responden bagi soalan tentang ayat perlakuan ganti diri pertama dan ayat kompleks menunjukkan pemahaman responden sangat lemah tentang kedua-dua jenis ayat ini.

Sementara itu, didapati pemahaman responden tentang unsur-unsur ayat juga lemah. Pemahaman tentang unsur-unsur ayat sangat penting kerana ia membantu menulis sesuatu ayat mengikut peraturan sintaksis yang betul (Hodder Arnold, 2004). Oleh kerana pengetahuan responden lemah dalam unsur-unsur ayat maka mereka melakukan kesalahan tatabahasa semasa menjawab soalan bahagian struktur.

Kajian juga menunjukkan responden mempunyai masalah dalam pemilihan pelbagai jenis ayat dari petikan (soalan struktur). Responden tidak dapat mengenal pasti jenis-jenis ayat yang terdapat dalam sesuatu petikan. Ini mungkin disebabkan kerana pengetahuan mereka tentang jenis-jenis ayat BT sangat lemah. Akibatnya, semangat membaca mereka menjadi lemah dan kemahiran menulis (karangan) mereka tidak mencapai ke tahap yang cemerlang. Masalah ini mungkin berpunca daripada kurangnya amalan membaca (Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim, 2009) dalam

kalangan responden. Kesalahan-kesalahan binaan ayat ini boleh dibetulkan sekiranya membaca setiap ayat dalam petikan secara berasingan, tanpa melihat ayat sebelum atau sesudahnya.

Salain daripada itu, tidak ada responden yang mencapai markah 90% dan ke atas, iaitu gred A dalam 'Ujian Pelbagai Jenis Ayat BT'. Ini menunjukkan responden memerlukan pendedahan yang lebih tentang ayat-ayat BT. Pendedahan ini boleh dibuat melalui aktiviti-aktiviti bahasa di kampus IPG. Pendedahan seperti ini perlu kerana responden yang bakal menjadi guru haruslah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang pelbagai jenis ayat BT. Pengetahuan ini amat membantu mereka semasa mengajar karangan di sekolah nanti.

Secara holistik boleh menyatakan tahap pengetahuan responden tentang pelbagai jenis ayat BT agak memuaskan. Responden yang mempelajari subjek BT dari sekolah rendah lagi perlu mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam tentang pelbagai jenis ayat BT berbanding tahap pencapaian ini. Masalah-masalah sedemikian wujud disebabkan oleh cara P&P guru di sekolah di mana mereka mengejar masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan tidak mementingkan kualiti P&P (Mahideli, 2007). Di samping itu, sikap GP sendiri yang kurang membaca menyebabkan pengetahuan mereka tentang pelbagai jenis ayat BT adalah lemah (Fatimah Busu, 2003).

5.2.2 Penggunaan Pelbagai Jenis Ayat Dalam Karangan

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa dalam karangan responden, secara amnya terdapat kelemahan dalam penggunaan pelbagai jenis ayat dan kelemahan dalam penggunaan tatabahasa BT. Dari segi jenis ayat, walaupun penggunaan ayat tunggal, ayat kompaun dan ayat kompleks adalah munasabah, namun penggunaan jenis-jenis ayat lain tidak memuaskan. Ini adalah kerana responden sangat kurang ataupun tidak menggunakan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Kebanyakan pelajar lebih cenderung menghasilkan ayat kompleks dan ayat tunggal berbanding ayat kompaun, ayat cakap ajuk, ayat cakap pindah, ayat tanya dan ayat seruananan. Walhal, ayat cakap ajuk dan ayat cakap pindah sesuai untuk karangan jenis cereka dan ayat tanya dan ayat seruanan sesuai untuk karangan jenis ucapan. Akan tetapi, ayat-ayat ini kurang digunakan oleh responden dalam karangan mereka. Justeru itu, penggunaan jenis-jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan sangat diperlukan untuk karangan yang berkualiti (Parantamanar, 1998).

Secara purata didapati ayat tanya sangat kurang digunakan oleh responden. Pada hal karangan jenis ucapan memerlukan ayat tanya kerana ia membantu menyedarkan para pendengar akan isu yang diucap serta member pandangan mereka (Ismail Mis, 2007). Manakala dalam karangan jenis cereka, ayat tanya membantu karangan kelihatan lebih gramatis. Akan tetapi, penggunaan ayat tanya yang begitu kurang menyebabkan karangan responden kelihatan kaku dan tidak mencungkil minat membaca.

Ayat seruan jarang digunakan dalam kedua-dua buah karangan yang dihasilkan oleh responden. Bagi karangan jenis ucapan ayat seruananan perlu digunakan di beberapa

tempat supaya dapat mengawal fikiran para pendengar supaya tidak melayang. Begitu juga dengan karangan jenis cereka. Bentuk ayat ini membantu memperlihatkan perasaan watak dalam cereka serta membentuk karangan yang gramatis. Akan tetapi memandangkan penggunaannya sangat kurang dalam penulisan karangan menunjukkan responden lemah menangani jenis ayat ini dalam karangan mereka.

Secara purata didapati responden menggunakan 4 jenis ayat dalam karangan mereka. Jumlah ini tidak mencukupi untuk menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti. Penggunaan pelbagai bentuk ayat membantu menghasilkan karangan yang lebih berkualiti (Parantamanar, 1992 dan Micholson, 2000). Jadi, salah satu aspek bahasa yang perlu diberi perhatian semasa menulis karangan adalah penggunaan pelbagai jenis ayat (Khairudin Ismail, 1997). Justeru itu, penggunaan pelbagai jenis ayat perlu diberi penekanan serius dalam kemahiran menulis (Abdul Shukor Shaari, 2001). Dengan ini, jelaslah bahawa penggunaan pelbagai jenis ayat amat diperlukan untuk menghasilkan karangan yang gramatis dan berkualiti.

Pendek kata, secara amnya responden tidak menunjukkan penggunaan ayat-ayat gramatis dalam penulisan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa sebuah penulisan karangan yang baik ialah karangan yang mempunyai isi yang banyak dan bertepatan dengan tajuk. Walau bagaimanapun, sekiranya sesebuah karangan itu tidak menggunakan jenis-jenis ayat yang bersesuaian dengan tajuk karangan, maka sudah tentu karangan tersebut tidak menarik minat pembaca.

Selain daripada ini, terdapat beberapa kelemahan lain dalam karangan responden. Kelemahan-kelemahan tersebut dilihat dari aspek:

- a. Penggunaan ayat kompaun kompleks

- b. Perbendaharaan kata
- c. Tatabahasa
- d. Tidak mempunyai pemikiran yang kritis

a. Penggunaan ayat kompaun kompleks

Terdapat dua orang responden menggunakan ayat kompaun kompleks dalam karangan mereka. Ayat kompaun kompleks tersebut mempunyai banyak kesalahan tatabahasa. Akibatnya ia tidak memberi makna yang jelas dan tidak menarik minat pembaca. Salah satu contoh ayat kompaun kompleks responden adalah seperti berikut:

Responden 23 (Lampiran M)

¾í, ù À¢Û"Ç, ù ¾ÀÈ;É ÀÆ¢ìÌ |°øÖø |À;ØÐ,
 , øÀ¢ÀÜÈÀ÷, Ç; , ÀÇÖø |À;ØÐ, ÁÜÈÀ÷, "Çí íðÊ , iðíÀÐ ´Ö
 |À;ÜøÀÜÈ |ÀÜ\$È;÷, ù «øÁ, ¾í, ù À¢Û"Ç, Ç¢ý , øÀ¢
 Óý\$ÈÜÈø¢¢ÜìÖ À¢ý¾íí¾Üìö |ÀÜ\$È;ü, \$Ç Ó¾"Á Àíì -¾Á;ø
 , øÀ¢ °¢ÜÁí, "Ç -ÖÁ;ììö Àíì -í, Ç¢¾Öø þÖøÀ¾;ø «¾"Éí
 |°ö"ÁÂ; , |°öÖí, ù.

Ayat kompaun kompleks ini membawa maksud, 'ibu bapa bertanggung jawab membentuk masa depan anak-anak mereka. Maka itu, ibu bapa tidak patut menyalahkan anak-anak mereka dan membandingkan anak-anak mereka dengan pelajar lain apabila mereka melakukan kesalahan atau menyeleweng dari pangkal jalan. Jadi ibu bapa haruslah sedar akan tanggung jawab mereka.'

Ayat ini (dalam BT) sangat rumit hingga maksudnya tidak berapa jelas dan mempunyai kesalahan tatabahasa dan ejaan. Penggunaan bentuk ayat seperti ini menjatuhkan kualiti karangan.

b. Perbendaharaan Kata

Responden mempunyai perbendaharaan kata yang begitu terhad hingga tidak boleh membina ayat yang berkesan. Disebabkan kelemahan ini, responden terpaksa menggunakan perkataan-perkataan yang mudah dalam karangan mereka. Akibatnya hasil penulisan mereka tidak setaraf dengan penuntut IPG. Misalnya:

Responden ke-14 (Lampiran N)

ɕiɣ̃ ʔ̃ ãỹɛið̃ àĕā ái½áý. ±ý |àā÷ áĕāø. ɕiɣ̃ ¾iáíý
 |ʔ̃ýsʔ̃i¾i |p̃¾¼ɕ̃ ʔ̃āāũɕĕāĕø āāĕýú āō, ɕs̃ɛý. -ʔ̃āāō āũɕĕāĕø
 āāĕýĕ ā̃ā̃ ɕiɣ̃ |āũs̃ɛi÷, ɕĕý s̃āī̃ʔ̃ō ¾ð̃¾i¾ ʔ̃ āĕũ̃ĕāið̃
 āĕ÷ós¾ý.

Ayat-ayat yang digunakan dalam karangan jenis cereka ini adalah ayat penyata. Bentuk ayat-ayat ini pendek dan tidak mempunyai bunga bahasa (Å÷½"É) yang perlu untuk karangan jenis cereka (Parantamanar, 1998). Baginilah bentuk-bentuk ayat yang lain dalam karangan ini.

Responden pertama (Lampiran O)

!ÀÜSÈ;÷, û ÀΦÛ"Ç, û Á£Ð «ýÒ |°Öò¾ SÃñÎÕ. «Å÷, ÇΦý «ýSÀ
ÓýSÉ;Ê.

Ayat ini pula menggunakan perkataan munno:Ti (ṢṢÉ;Ê) yang tidak tepat dengan maksudnya. Akibatnya makna ayat ini tidak jelas.

Kelemahan-kelemahan perbendaharaan kata seperti yang dinyatakan ini banyak terdapat dalam karangan responden. Kelemahan-kelemahan sedemikian tidak membantu menghasilkan karangan yang berkualiti dan setaraf dengan penuntut IPG.

c. Tatabahasa

Penggunaan tatabahasa responden dalam kedua buah karangan tidak begitu memuaskan. Kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh mereka mengganggu kelancaran membaca. Kelemahan ini menyebabkan isi karangan menjadi tidak jelas. Beberapa contoh kesalahan tatabahasa dalam karangan responden adalah seperti berikut:

Responden pertama (Lampiran O)

„øÄø ±ýÀÐ ÀÛÇøÄøø ÄÄøÖö ²ðîî „øÄø ÄðÎö «øÄ. «¼ÛÏ
 ÄjËj, „Ä, ò¼øÄ ç¼îîö |ÄjÐ °öÄÄj, ü, çø, úî°ø, ü ±øÄjö
 „üÛî |, jüÜö Öj, øÄö.

Kesalahan tatabahasa dalam ayat ini menyebabkan isi yang disampaikan kabur dan tidak faham.

Responden ke-12 (Lampiran P)

±ý ÄÉ¼øý ±ñ½ «„Ä, ü «öÄj„Ä §çjì, ø «„Äó¼Ð.

Kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam ayat di atas tidak memberi maksud yang jelas.

Baginilah kesalahan-kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam karangan-karangan responden yang lain.

d. Tidak mempunyai pemikiran yang kritis

Pemikiran kritis perlu untuk mengembangkan isi, iaitu membuat interpretasi dan andaian. Dengan itu, hasil penulisan jelas, bermutu dan menepati kehendak soalan. Akan tetapi, kebanyakan responden tidak boleh mengembangkan isi karangan dengan baik. Mereka masih lagi lemah dalam memberi pendapat secara kritis. Ramai daripada

mereka menengahkan isi karangan bertemakan cerita filem Tamil. Hal ini mungkin kerana responden banyak menonton filem Tamil. Misalnya:

Responden ke-3 (Lampiran Q)

°ÇÄ ç;ð, ù, ÆÇÒÐ ±ý «ì, ;ÄÇÜÏ ´Õ !ÄÃÇÂ Þ¼ð¼ÇÄÇÕÓÐ ÄÃý
 ÄÓ¼Ð. ±ý ¼Ó´¼ÕÕ «ó¼ ÄÃ´É SÀ°Ç ÓÊð¼;÷, ù. !ÄÃÇÂ Þ¼ð
 ±ýÄ¼;ø ±í, ÇÇ¼ÄÇÕÓÐ çÇ´ÊÄ ±¼Ç÷Ä;÷ð¼;÷, ù. °£¼ÉÄ; 50
 Ä×ý ç´, Õð, ´Õ SÁ;ð¼;÷ ÄñÊÕð S, ð¼;÷, ù.

Perenggan di atas menyatakan tentang masalah Dowri yang wujud dalam perkahwinan orang India. Pada hal di Malaysia masalah sedemikian tidak seteruk seperti di negara India. Biasanya masalah-masalah seperti ini banyak dipaparkan dalam tayangan gambar India (Tamil). Jadi responden tidak berfikir panjang dan menulis apa yang ditonton oleh mereka. Pada hal isi seperti ini tidak sesuai dengan kebudayaan tempatan.

Selain daripada ini responden juga tidak boleh mengembangkan isi karangan dengan baik. Kelemahan ini jelas kelihatan dalam karangan responden ke-27 (Lampiran R). Secara keseluruhannya karangan ini tidak menunjukkan idea yang bernas dan kritis. Kebanyakan responden menghasilkan karangan seperti ini. Hal ini wujud kerana pelajar mempunyai masalah penguasaan bahasa dan tidak banyak membaca.

5.2.3 Hubungan Antara Penggunaan Pelbagai Jenis Ayat Dengan Gred Karangan

Dari segi hubungan penggunaan pelbagai jenis ayat dengan gred karangan dapatan kajian menunjukkan perhubungan secara signifikan. Dengan ini, jelaslah bahawa penggunaan pelbagai jenis ayat ataupun penggunaan jenis-jenis ayat yang bersesuaian dengan tajuk karangan membantu menghasilkan karangan yang berkualiti. Di

samping itu, ia meningkatkan markah karangan. Di samping itu, pelbagai jenis ayat ini perlu ditanda dengan tanda baca yang betul, dihubungkait dengan penanda wacana yang sesuai dan ditulis dengan ejaan dan struktur ayat yang betul serta menggunakan perbendaharaan kata yang baik.

Ayat yang tidak ditulis dengan tanda baca yang betul memberi makna yang kabur. Urutan isi karangan tidak jelas sekiranya ayat-ayat tidak dihubungkait dengan penanda wacana yang sesuai. Manakala ayat yang ditulis dengan ejaan dan struktur ayat yang salah tidak membawa makna yang jelas dan tidak difahami oleh pembacanya (Theveneya Pavanar, 2001). Dengan itu, jelaslah bahawa penggunaan pelbagai jenis ayat sahaja tidak mencukupi malah cara penulisannya juga perlu diberi perhatian, iaitu harus ditulis dengan tanda baca yang betul, perlu dihubungkait dengan penanda wacana yang sesuai dan mengelakkan kesalahan ejaan dan struktur ayat. Di samping itu, haruslah memperkayakan penggunaan perbendaharaan kata dalam ayat. Ini membantu menarik minat membaca seseorang.

5.2.4 Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Penggunaan Pelbagai Jenis Ayat Dalam Karangan

Menurut kajian didapati guru-guru pelatih yang mempunyai pengetahuan yang baik tentang jenis-jenis ayat BT; tidak dapat menggunakannya dalam karangan dengan tepat. Purata penggunaan jumlah jenis ayat dalam satu karangan adalah 4 jenis sahaja.

Responden yang mempunyai pengetahuan yang baik tentang ayat tanya (diketahui dari analisis ujian pelbagai jenis ayat BT) tidak menggunakannya dalam karangan dengan baik. Bentuk ayat tanya yang digunakan oleh mereka tidak dipelbagaikan. Misalnya tiada ayat tanya yang mempunyai partikal 'a:' ($\neg$) dan 'o:' (μ) seperti 'avaraiya:?' («Ä"ÃÄî?») dan 'avaraiyo:' («Ä"Ã\$Äî?») dalam karangan responden.

Begitu juga dengan ayat kompaun. Penggunaannya kurang berbanding ayat kompleks dan ayat tunggal. Akan tetapi jawapan kebanyakan responden tentang ayat kompaun adalah baik. Begitu juga dengan ayat seruanan, ayat cakap ajuk dan ayat cakap pindah. Jawapan bagi soalan ayat-ayat ini adalah memuaskan tetapi penggunaannya dalam karangan sangat kurang dan tidak ditanda dengan tanda baca yang betul dan sesuai.

Responden kurang faham akan jenis-jenis ayat yang terkandung dalam bahagian bentuk dan bahagian maksud. Kebanyakan daripada mereka salah mengkategorikan jenis-jenis ayat mengikut bahagian bentuk dan bahagian maksud. Ini menunjukkan pengetahuan pelajar tentang jenis-jenis ayat yang terkandung dalam bahagian bentuk dan bahagian maksud adalah sangat lemah. Ini tidak semestinya berlaku dalam kalangan responden kerana mereka telahpun belajar tentang bahagian-bahagian ayat BT dari sekolah rendah lagi.

Masalah-masalah yang dibincangkan di atas mungkin wujud kerana responden tidak cukup latihan dan tiada pendedahan tentang kepentingan penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan. Sekiranya mereka memperoleh pengetahuan tentang

penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan, maka mereka akan menjadi arif dalam penghasilan karangan yang berkualiti. Ini amat membantu dalam kerjaya mereka pada masa akan datang. Dengan itu, mereka juga perlu diajar dengan menggunakan pelbagai teknik P&P dalam penulisan karangan.

Responden juga harus sedar akan tanggungjawab mereka sebagai bakal guru dan harus berusaha menguasai kemahiran menulis terutamanya dalam penguasaan penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Demi tujuan itu mereka perlu sentiasa menjelajah dunia ilmu.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian menjelaskan responden (GP PPISMP) lemah dalam penggunaan pelbagai jenis ayat dalam karangan mereka. Penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan amat membantu menghasilkan karangan yang berkualiti. Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, beberapa implikasi akan dibincangkan. Perbincangan ini akan bertumpu pada tiga tajuk utama seperti yang berikut:

- i. Pengajaran kemahiran menulis
- ii. Sikap GP
- iii. Sukatan pelajaran PPISMP,

i. Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis

Pemahaman pensyarah tentang tahap pengetahuan GP tentang pelbagai jenis ayat BT dan tahap penggunaan jenis-jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan sangat diperlukan. Pemahaman ini membantu mereka membentuk rasional dan pengkonsepan rangka kerja pengajaran yang bersandarkan sifat proses mengarang

dan pemilihan ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Dengan itu, GP mendapat pendedahan tentang ciri-ciri karangan yang berkualiti serta aspek-aspek yang perlu diteliti semasa menulis karangan terutamanya penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Pendek kata, bagi meningkatkan kualiti penulisan karangan dalam kalangan GP, para pensyarah akan memfokuskan kepada kelemahan GP (penggunaan pelbagai jenis ayat) dalam menulis karangan.

Kajian ini juga membantu para pensyarah meneliti pendekatan pengajaran kemahiran menulis dalam program PPISMP untuk membolehkan GP dilatih dalam penghasilan karangan yang berkualiti. Melalui penelitian ini pensyarah dapat mengenal pasti aspek-aspek yang menjadi masalah kepada GP dalam penggunaan jenis-jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan serta masalah-masalah lain dalam penghasilan karangan. Dengan itu, mereka boleh membantu GP dalam penghasilan karangan yang berkualiti dengan membuat perubahan dalam P&P mereka.

Para pensyarah akan memfokuskan proses mengarang itu sendiri semasa mengajar kemahiran menulis. Dengan itu, langkah yang pertama yang dapat dilaksanakan oleh mereka ialah memberi pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan penggunaan pelbagai jenis ayat ataupun penggunaan jenis-jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan kepada GP.

Selain daripada ini, para pensyarah juga dapat merancang aktiviti menulis karangan yang lebih menyeronokkan. Dengan itu, strategi P&P penulisan karangan akan dipelbagaikan. Di samping itu, GP juga diberi pendedahan tentang kemahiran, teknik dan strategi menulis karangan dalam kelas (Hariz Fadzilah Kassim, 2002).

Tajuk penulisan adalah sangat penting. Dengan itu, kajian ini juga memberi ilham kepada pensyarah supaya merancang tajuk-tajuk yang bersesuaian dengan tahap GP bagi setiap semester. Dengan itu, GP akan menulis dengan baik dan penuh minat.

ii. Sikap GP

GP menyedar akan kelemahan mereka dalam penghasilan karangan yang berkualiti. Punca kelemahan ini adalah kerana mereka kurang menghayati, menaruh minat dan tidak bersungguh-sungguh menguasai ilmu menulis karangan. Salah satu cara menangani masalah ini adalah menambah tabiat membaca kerana penggunaan ayat yang tepat dan sesuai dengan tajuk karangan dapat diperoleh daripada amalan membaca (Venugopal, 2006).

Pelbagai jenis ayat dapat dihasilkan dalam penulisan jika banyak membaca bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, artikal, kajian dan sebagainya. Di samping itu, bahan bacaan seperti buku, akhbar, majalah dan cerpen juga turut membantu mendalami pengetahuan tentang pelbagai jenis ayat (Ismail Mis, 2007). Justeru itu, kemungkinan besar GP akan memperbanyakkan tabiat membaca bahan-bahan bacaan seperti yang tersebut di atas.

GP juga sedar akan penghasilan ayat yang sesuai dan jelas adalah sangat perlu untuk karangan yang berkualiti. Ayat yang dihasilkan harus dapat memperlihatkan tema atau mempunyai fokus. Selain itu, mereka faham keperluan penggunaan ayat yang berpadah panjang kerana ayat yang terlalu panjang tidak jelas maksudnya. Justeru itu, melalui kajian ini GP bukan sahaja faham akan kepentingan penggunaan pelbagai

jenis ayat dalam karangan; malah kepentingan penggunaan bentuk (panjang) ayat yang betul juga difahami oleh mereka.

iii. Unit Pengajian Tamil Kampus dan Bahagian Tamil IPG

Dapatan kajian ini boleh memberikan implikasi dalam penggubalan sukatan pelajaran BT PPISMP, khususnya dalam kandungan sukatan pelajaran BT PPISMP. Keutamaan diberi untuk aspek membina pelbagai jenis ayat. Di samping itu penambahan masa interaksi antara GP dengan pensyarah perlu ditambah, kerana peruntukan masa bagi pengajaran kemahiran menulis bagi setiap semester tidak mencukupi. Dalam masa ini pelbagai aspek bahasa perlu diajar dan salah satu aspeknya adalah membina ayat. Memandangkan kelemahan GP, masa yang diperuntukan ini tidak mencukupi. Jadi masa interaksi perlu ditambah.

Kajian ini juga mendorong Bahagian Tamil IPG supaya menganjurkan kursus dan bengkel mengenai pengajaran penggunaan pelbagai jenis ayat ataupun penggunaan jenis-jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan kepada para pensyarah. Kursus dan bengkel seperti ini memberi pendedahan kepada para pensyarah tentang teknik-teknik mengajar kemahiran menulis. Di samping itu, kursus-kursus dan bengkel-bengkel tentang pelbagai jenis penulisan, seperti menulis jurnal, artikel, karya sastera kanak-kanak dan sebagainya perlu diadakan untuk para pensyarah. Kursus-kursus seperti ini membantu mereka membimbing GP supaya menghasilkan karangan dan karya yang berkualiti. Bimbingan para pensyarah ini besar kemungkinan membantu GP menjadi penulis yang professional di masa akan datang.

Secara keseluruhannya, kajian ini memperincikan beberapa aspek yang perlu diberi perhatian. Aspek pengajaran pensyarah, sikap GP, penggubalan sukatan pelajaran PPISMP dan masa interaksi P&P BT PPISMP, kursus dan bengkel akan diberi perhatian yang sewajarnya.

5.4 Cadangan Untuk Peningkatkan Kuliti Karangan Dalam Kalangan GP Dari Segi Penggunaan Pelbagai Jenis Ayat.

Penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan membantu menghasilkan karangan yang berkualiti (Michelson, 2000). Akan tetapi, GP IPG masih lagi lemah menangani pelbagai jenis ayat dalam karangan mereka. Demi meningkatkan kualiti karangan GP (dengan penggunaan pelbagai jenis ayat yang bersesuaian dengan tajuk karangan), beberapa perkara perlu dipertimbangkan.

Kelemahan-kelemahan ini mungkin disebabkan oleh cara pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah. Kebanyakan daripada guru-guru sekolah mengajar penulisan karangan dengan hanya mementingkan isi karangan dan tidak mengajar penggabungan ayat serta pembinaan ayat (Mahideli Krishnan, 2007). Dengan itu, guru-guru pelatih haruslah diberi pendedahan tentang kemahiran, teknik dan strategi menulis karangan dalam kelas (Hariz Fadzilah Kassim, 2002).

Pensyarah yang mengajar kemahiran menulis boleh menukar fokus pengajaran mereka daripada penumpuan kepada hasil karangan kepada proses mengarang itu sendiri. Perubahan penumpuan pengajaran kemahiran mengarang tersebut dapat dilakukan dengan membekalkan para GP dengan pelbagai pendekatan dan strategi

penulisan karangan (Hariz Fadzilah Kassim, 2002). Misalnya, mengumpul dan mengkategorikan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan, membina ayat yang standard dengan perbendaharaan kata yang berkualiti, pastikan tiada kesalahan struktur ayat dan kesalahan ejaan serta menyusun ayat-ayat dalam urutan yang betul dan sebagainya.

Selain daripada ini, tajuk karangan ataupun tajuk kerja kursus (KK) perlu diberi perhatian. Tajuk-tajuk karangan dan KK yang diberi kepada GP perlu dipelbagaikan dan bersesuaian dengan tahap mereka.

Menurut laporan LPM (1985), kebanyakan pelajar tidak mengetahui teknik menulis karangan dengan betul. Mereka kurang diberi pendedahan tentang cara menghasilkan karangan yang benar-benar mantap, bukan sahaja dari segi penggunaan bahasa yang betul, tetapi juga dari segi gaya penulisan yang teratur dan menepati ciri penulisan karangan yang sebenarnya. Keadaan yang sama berlaku dalam kalangan GP. Dengan itu, pihak Unit Pengajian Tamil di setiap Kampus IPG boleh menganjurkan pertandingan membaca, pertandingan menulis dan pertandingan bercerita (ceritanya dipilih oleh pensyarah dan diagihkan kepada GP dalam bentuk skrip).

Pertandingan mengarang (dengan penggunaan pelbagai jenis ayat) antara kampus IPG boleh dianjurkan oleh Unit Pengajian Tamil (UPT) kampus IPG, iaitu setiap satu tahun sebuah kampus bertanggungjawab menjalankan aktiviti ini. Pertandingan sebegini dapat memupuk minat terhadap penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan dalam kalangan GP. Selain daripada ini, GP juga perlu didedahkan kepada aktiviti-aktiviti di dalam dan di luar kelas yang berkaitan dengan

aktiviti menulis karangan dan cerita. Antara aktiviti yang boleh dijalankan ialah bengkel menulis karangan, pertandingan pengarang muda, pertandingan ‘cerita kumpulan’ dan sebagainya.

Unit Tamil IPG boleh menganugerahkan hadiah ataupun sijil untuk Kerja Kursus (KK) yang mempunyai penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuknya. Ini dapat memupuk minat GP dalam penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk penulisan karangan dan KK.

Pendedahan terhadap penggunaan ayat-ayat yang sesuai dengan tajuk karangan perlu diberi dari semasa ke semasa kepada GP. Demi tujuan itu IPG boleh menganjur kursus-kursus dan bengkel-bengkel penulisan karangan. Dengan ini, GP dapat memperoleh input dan motivasi dalam penghasilan penulisan yang berkualiti. Di samping itu GP juga digalakkan supaya selalu menghadiri bengkel-bengkel penulisan yang bermanfaat. Mengambil bahagian dalam pertandingan penulisan seperti penulisan karangan, cerita, cerpen dan sebagainya (Mary Page and Carrie Winstanley, 2009).

Melalui mendengar berita, ceramah, ucapan dan sebagainya seseorang dapat mengasahkan lagi kemahiran menulis. Penggunaan ayat-ayat yang gramatis dalam ceramah dan ucapan demi menarik perhatian pendengar memberi input tentang penggunaan pelbagai jenis ayat demi menghasilkan sesebuah karangan terutamanya karangan jenis ucapan, ceramah, perbahasan dan sebagainya (Ismail Mis, 2007). Jadi, GP yang ingin menghasilkan penulisan yang berkualiti haruslah selalu mendengar berita, ceramah, ucapan dan sebagainya.

Cadangan-cadangan yang dinyatakan di atas sekiranya diaplikasi, besar kemungkinan membantu mempertingkatkan kualiti penulisan GP pada masa akan datang. Ia juga mencungkil bakat GP dalam bidang penulisan.

5.5 Cadangan Untuk Penyelidikan Masa Hadapan

Hasil kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin membuat kajian tentang penggunaan ayat dalam karangan pada masa akan datang. Namun demikian tidak dinafikan, terdapat juga kelemahan dalam kajian ini. Diharap kelemahan-kelemahan ini dapat diperbaiki dalam penyelidikan pada masa akan datang. Daripada hasil kajian dan kesimpulan yang diperoleh, beberapa cadangan dinyatakan untuk kajian masa depan.

Kajian ini hanya melibatkan GP PPISMP semester 1 ambilan 2010. Ini menyebabkan tidak dapat mengetahui kelemahan dan kelebihan GP program lain seperti GP PISMP, GP KDC, GP KPLI dan sebagainya. Oleh yang demikian, satu kajian boleh dijalankan kepada guru-guru pelatih ini. Selain daripada itu, kajian lanjutan juga boleh dijalankan antara kampus-kampus IPG.

Selain daripada itu, kajian juga boleh dijalankan antara guru-guru pelatih yang datang dari pelbagai negeri, iaitu satu perbandingan antara guru-guru pelatih dari pelbagai tempat dan negeri dalam penghasilan karangan yang berkualiti. Kajian sedemikian mendedahkan pelbagai maklumat seperti pendekatan pengajaran kemahiran menulis

di pelbagai tempat (negeri), kelemahan yang menjadi dasar kepada kelemahan GP dalam penulisan karangan dan sebagainya.

Skop kajian ini hanya mengkaji penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan dalam penghasilan karangan (BT) yang berkualiti. Kajian lanjut boleh ditambah skopnya seperti kajian tentang penggunaan pelbagai bentuk ayat tunggal, ayat kompaun dan ayat kompleks dalam karangan GP, penggunaan tanda baca yang betul dalam ayat, penggunaan penanda wacana yang tepat dalam karangan dan sebagainya.

Kajian lanjutan boleh mendapat maklumat yang terperinci dengan menggabungkan pengumpulan data melalui hasil karangan GP, jawapan GP bagi ujian ‘Pelbagai Jenis Ayat BT’, temu bual, soal selidik dan pemerhatian.

Kajian-kajian yang dicadangkan di atas mungkin membantu menyelesaikan masalah GP dalam penghasilan karangan yang berkualiti. Ini secara langsung membantu menghasilkan tenaga pengajar yang berkualiti dan berwibawa pada masa akan datang di sekolah.

5.6 Penutup

Dapatan ini adalah berdasarkan kajian terhadap satu kumpulan GP dan melibatkan satu aspek bahasa sahaja iaitu penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Metodologi yang digunakan adalah terlalu ringkas. Dapatan adalah

sesuai dijadikan sebagai panduan sahaja. Kualiti pengajaran tidak diuji dalam kalangan guru sekolah dan pensyarah IPG. Dapatan ini merupakan daripada hasil tulisan GP dan bukannya berdasarkan ukuran-ukuran yang nyata.

Kajian juga menunjukkan kelemahan GP dalam penggunaan pelbagai jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Jika ia dibiarkan berlarutan, GP akan menghadapi masalah dalam menghasilkan karangan yang berkualiti. Usaha untuk menambah-baikkkan tahap penulisan dalam kalangan pelajar ini perlu dilaksanakan khususnya oleh para pensyarah dan pihak IPG, amnya. Ini adalah kerana sebagai bakal guru mereka perlu arif menangani jenis-jenis ayat yang sesuai dengan tajuk karangan.